

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEMBILAN
Penggal Yang Pertama
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Adam bin Kadir, D.I.M.P. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Abdul Rashid bin Ismail, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Abdul Salam bin Awang, A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chong Chi Siong @ Chong Fah (Negeri Sembilan)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Frankie Chong Yu Chee, A.D.K. (Sabah)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Tuan Haji Dol bin Dolah, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Eng Hoi Choo (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)

- “ Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad, A.B.S. (Sarawak)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafain, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I.,
A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Tuan Isli bin Haji Siput (Dilantik - Wilayah Persekutuan Labuan)
- “ Tuan Itam Wali bin Nawan, P.P.N. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad, A.M.N., A.N.S., P.M.C.,
P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Johan B.O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N.
(Dilantik)
- “ Puan Kalthom binti Haji Othman (Kelantan)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P.
(Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Kelsom binti Yaacub, A.M.P., P.J.K. (Pahang)
- “ Puan Kian Sit Har, P.J.K., A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, 2P.J.K., J.P. (Perak)

- “ Datuk Maidom P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- J.P. “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K.,
(Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l
Muthandi (Dilantik)
- “ Puan Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K.
(Perak)
- “ Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud (Kelantan)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin (Dilantik)
- “ Tuan Ng See Tiong, A.M.N., P.I.S., P.K. (Johor)
- “ Dato’ (Ir.) Ng Thian Hock, D.S.S.A., S.M.S., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dr. Ng Yen Yen, P.J.K. (Pahang)
- “ Tuan Haji Othman bin Yunos, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N.,
P.P.N. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Tuan Rahim bin Baba, A.M.P. (Dilantik)
- “ Tuan Saad bin Haji Man (Dilantik)
- “ Tuan Saidin bin Mohamad (Perlis)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)

- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim (Dilantik)
- “ Dato’ Soong Siew Hoong, S.M.S., K.M.N., D.P.M.S., J.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Tan Son Lee (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S.,
.M.S.,
A.M.N. (Dilantik)
- “ Datuk K. Vijayanathan a/l Kesava Pillai, D.J.N., K.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K.,
A.M.S.
(Dilantik)
- “ Tuan Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M.,
P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin (Dilantik)
- “ Tuan M. Zeevill @ Sharmugam a/l R.M.S. Mutaya (Selangor)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Mohamed Salleh bin Abu Bakar,
K.M.N.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik

Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.

Haji Suhor bin Husin

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof

Hajah Supiah binti Dewak

Hajah Kalsom binti Ghazali

Mohamed bin Osman

Norishah binti Mohd. Thani

Zaharah binti Naim

Norwahidah binti Azizi

Rozita binti Abd. Samad
Jainah binti Sakimin
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 13hb. Disember, 1995

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

Y.B. Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan Selamat Datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Semoga Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah itu akan memberi khidmat yang sewajarnya kepada Dewan ini dan khususnya kepada negara kita.

MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa dua orang Ahli Yang Berhormat, iaitu:-

1. Tuan P. Krishnan a/l Perumal; dan
2. Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi

telah mengangkat Sumpah di kamar Yang di-Pertua Dewan Negara pada 9hb. November, 1995. Saya berharap semoga Ahli-ahli yang baru dilantik itu akan dapat memberikan sumbangan mereka yang berguna dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam sidangnya yang lalu seperti berikut:-

1. Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1995;
2. Akta Perbekalan Tambahan (1995) 1995;
3. Akta Koperasi (Pindaan) 1995;
4. Akta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995;
5. Akta Perbadanan Putrajaya 1995;
6. Akta Perubatan (Pindaan) 1995;
7. Akta Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit (Pindaan) 1995;
8. Akta Penjara 1995;

9. Akta Lembaga Pelabuhan (Pindaan) 1995;
10. Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaaan) (Pindaan) 1995;
11. Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1995;
12. Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pindaan) 1995;
13. Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan dan Perluasan) 1995;
14. Akta Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 1995;
15. Akta Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 1995;
16. Akta Perancang Bandar 1995; dan
17. Akta Perancang Bandar dan Desa (Pindaan) 1995.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya jemput Setiausaha membaca perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“26 Oktober 1995

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT KEPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:-

1. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) (No.2) 1995;
dan
2. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995) (No. 2) 1995.

Yang ikhlas,

t.t.

Yang di-Pertua Dewan Rakyat”

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) (No.2) 1995;
dan
2. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995) (No. 2) 1995.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

AKTA MAKANAN 1983 - KELEMAHAN

1. Tuan Isli bin Haji Siput minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada kementerian sedar bahawa terdapat beberapa kelemahan di dalam “Akta Makanan 1983” yang menyebabkan banyak pengeluaran bahan makanan masih boleh

mengeluarkan hasil mereka dengan mengelirukan para pengguna, seperti baru-baru ini ada didapati bahan chocolate yang berbentuk rokok atas nama “candy cigarette 369” dijual di Sabah yang boleh memberi kesan negatif untuk kanak-kanak. Jika ya, apakah langkah pihak kementerian ambil untuk mengatasi gejala serupa ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato’ M. Mahalingam]:

Tuan Yang di-Pertua, Akta Makanan 1983 adalah satu akta bagi melindungi orang ramai dari bahaya dari segi kesihatan dan penipuan pada penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan. Dengan mandat ini Kementerian Kesihatan sentiasa mengawal penjualan makanan dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti pemeriksaan premis-premis makanan dan pensampelan makanan bagi produk keluaran tempatan dan yang diimport supaya segala peruntukan di bawah Akta ini dan Peraturan-peraturan Makanan 1985 dipatuhi.

Kementerian Kesihatan juga prihatin terhadap perkembangan semasa dalam isu-isu perundangan makanan dan juga perubahan teknologi dalam pemprosesan makanan. Oleh yang demikian, peraturan-peraturan 1985 di bawah Akta Peraturan Makanan 1983 dipinda dari semasa ke semasa untuk memenuhi keperluan ini.

Di bawah Akta Makanan 1983, tindakan hanya boleh diambil ke atas pelanggaran standard makanan yang diperuntukkan. Dalam hal ini tidak ada peruntukan terdapat di bawah akta ini yang berkaitan dengan bentuk makanan atau shape of the food, dengan izin, dan oleh yang demikian, tindakan tidak boleh diambil. Walau bagaimanapun, dari segi pelabelan atau labelling, dengan izin, tindakan boleh diambil di bawah seksyen 15 dan 16 Akta Makanan 1983.

Di bawah peraturan 279, Peraturan-peraturan Makanan 1985,

coklat adalah produk yang disediakan daripada cocoa paste, dengan izin, atau koko dengan gula dengan atau tanpa komponen susu, cocoa butter, dengan izin, dan makanan lain. Bagi mengawal penjualan coklat keluaran tempatan dan yang diimport, Kementerian Kesihatan pada tahun 1994 telah mengambil 598 sampel coklat di seluruh negara. Dari jumlah ini, 12 sampel telah melanggar peruntukan di bawah Peraturan-peraturan Makanan 1985, dari segi pelabelan kontaminan logam atau metal contaminant, dengan izin, benda asing (foreign matter), bahan pengawet (preservative) dan keadaan tin kemek (dented can) dan tindakan penguatkuasaan telah diambil ke atas pelanggaran ini di mana amaran telah diberikan kepada 2, tindakan mahkamah telah diambil kepada 7 dan rampasan dibuat terhadap 3.

Tuan Haji Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah penguatkuasaan terhadap makanan ringan yang memberi kesan negatif terutama kepada kanak-kanak, kerana makanan ringan menjadi makanan keistimewaan dan menjadi longgokan di kedai-kedai?

Dato' M. Mahalingam: Tidak dengar, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada kaitan?

Dato' M. Mahalingam: Bukan kaitan. Saya tidak dengar soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, ulang sekali lagi soalan.

Dato' M. Mahalingam: Ulangkan lagi sekali.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Sejauh manakah penguatkuasaan dapat mengenal pasti berapa jenis makanan ringan yang memberi kesan negatif terutama kepada kanak-kanak kerana makanan ringan menjadi kegemaran ramai dan menjadi longgokan di kedai-kedai?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada butir-butir yang diminta oleh Yang Berhormat. So, saya minta notis dari Yang Berhormat yang berkenaan.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat mengenai masalah pelabelan di bawah Akta Makanan 1983. Baru-baru ini ada pihak yang kononnya mengimport air zam zam dan diletakkan di label di botol air zam zam itu "boleh mengubati segala jenis penyakit". Adakah ini benar ataupun sebagainya?

Dato' M. Mahalingam: Susah hendak jawab soalan ini. *[Ketawa]* Saya minta Yang Berhormat laporkan kepada kementerian saya. Kita boleh ambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua: Laporkan kerana ubat itu terlalu mujarab.

Dato' M. Mahalingam: Lepas itu kita boleh ambil tindakan, kalau ada. Kita tidak tahu subject matter itu, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Soalan tambahan. Dengan pembangunan Langkawi sekarang ini, kita dapati coklat banyak dijual di Pulau Langkawi dan baru-baru ini ada satu produk jualan coklat yang mengandungi liquor yang dijual di Langkawi. Adakah ini juga termasuk dalam peraturan yang

disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen?

Dato' M. Mahalingam: Coklat adalah dikawal dengan peraturan-peraturan yang ada dalam seksyen 278 Peraturan-peraturan Makanan di mana di dalam bahasa Inggeris ada dikatakan di sini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "Chocolate shall be the product prepared from cocoa paste or cocoa with sugar with or without milk component, cocoa butter or and other food and also shall contain many other not more than 5% of milk fat or edible vegetable and other cocoa butter shall contain not less than 14% of cocoa base or water free". Arak tidak termasuk di dalam coklat. Kalau ada, kita boleh ambil tindakan.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menjelaskan bahawa aktiviti-aktiviti telah dijalankan untuk memeriksa makanan. Soalan tambahan saya ialah, apakah cara dan bagaimanakah aktiviti-aktiviti dijalankan oleh pihak kementerian?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, di negara kita, kita ada hampir 20 juta penduduk di Malaysia, semua makanan memang ada digunakan. Kementerian tidak boleh jaga seseorang atau individu untuk makan. *[Ketawa]* Nasihat dari kementerian saya ialah konsumer mesti lebih prihatin terhadap makanan yang dibeli dan label makanan berkenaan mesti dibaca sebelum dibeli supaya konsumer dapat manfaat dari segi nilai makanan dan juga ia adalah selamat. Itulah nasihat daripada kementerian saya.

KERACUNAN MAKANAN - LANGKAH MENYEKAT

2. **Tuan Kan Kok Kwan** minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan kerap kali penuntut-penuntut sekolah dan maktab dimasukkan ke hospital kerana keracunan makanan, adakah sebarang koordinasi di antara Jabatan Pendidikan dengan Pejabat Kesihatan untuk mengawal perkara ini dan apakah langkah telah diambil untuk menyekat kes-kes keracunan makanan tidak berulang lagi.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan

Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam semua hal yang ada kaitan dengan kesihatan sekolah. Baru-baru ini, kedua-dua kementerian telah menubuhkan satu jawatankuasa bernama Jawatankuasa Tindakan Keselamatan Makanan Di Sekolah bagi tugas merancang program intervensi dalam usaha untuk mengurangkan kejadian keracunan makanan di sekolah.

Di antara langkah-langkah yang juga diambil untuk mencegah dan mengawal kejadian ini termasuklah:-

- (i) usaha pendidikan melalui kursus dan taklimat bagi pengusaha kantin sekolah, pembekal makanan asrama sekolah serta guru-guru yang berkenaan. Ini sentiasa diusahakan oleh kakitangan Jabatan Pendidikan Negeri dengan kerjasama kakitangan Jabatan Kesihatan Negeri serta Majlis Tempatan;
- (ii) penyeliaan dan pemeriksaan kantin sekolah dan dapur asrama oleh Inspektor Kesihatan dari Pejabat Kesihatan Daerah serta Majlis Tempatan serta para pegawai Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah;
- (iii) mengeluarkan panduan seperti buku panduan kantin sekolah, buku panduan asrama sekolah, buku panduan rancangan makanan tambahan dan sebagainya serta latihan bagi pengusaha kantin sekolah dan guru. Aspek kebersihan dan keselamatan makanan diberi penekanan khusus dalam setiap panduan ini.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sehubungan dengan pembekalan makanan kepada sekolah-sekolah, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, adakah kementerian sedar atau tidak ada pembekal-pembekal tin food, dengan izin, kepada sekolah-sekolah yang menggunakan atau yang membekalkan makanan yang telah lama ataupun usang

ataupun setelah lepas expiry date.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, segala pembekal makanan sama ada dalam bentuk barangan mentah atau dalam bentuk dengan izin, can food oleh pihak-pihak tertentu kepada sekolah-sekolah haruslah mengikut syarat-syarat yang diletakkan dalam kontrak yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Sekiranya terdapat bukti bahawa pihak-pihak tertentu tidak mengikut syarat-syarat yang ditentukan, Kementerian Pendidikan memang boleh mengambil tindakan termasuklah membatalkan kontrak tersebut.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya faham tentang pengawalan makanan yang dijual di kantin-kantin sekolah memang dikawal oleh pihak Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Kesihatan. Bagaimana pula tindakan pihak kementerian untuk mengawal makanan yang dijual di luar kawasan sekolah, adakah pihak kementerian mempunyai kerjasama dengan majlis-majlis tempatan supaya makanan yang dijual di gerai luar kawasan sekolah ini dapat diatasi?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang segala kegiatan di kawasan luar dari sekolah bukan di bawah tanggungjawab sekolah kerana pihak sekolah tidak ada kuasa untuk mengawal keadaan luar dari sekolah. Namun demikian, pihak sekolah selalunya memberi nasihat dan memberi taklimat kepada pelajar-pelajar supaya berjaga-jaga, berwaspada apabila membeli barang-barang khususnya barang-barang makanan dari warong-warong di luar sekolah

ini.

Kita sentiasa berkerjasama dengan pihak polis, pihak yang menjaga keselamatan lalu lintas supaya tindakan sewajarnya boleh diambil untuk mengawal situasi tersebut termasuklah untuk menentukan bahawa kesihatan dan kedudukan pelajar-pelajar kita tidak akan terjejas.

ALAM SEKITAR - SYARAT-SYARAT BAGI MENGELAK KESAN PENCEMARAN HASIL PERKILANGAN

3. **Tuan Low Kai Meng** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan memandangkan kerajaan giat berusaha memelihara alam sekitar daripada tercemar dan negara juga berancang dan berusaha menuju ke arah Wawasan 2020 dan bagi mencapai wawasan pembangunan negara ini, kerajaan telah menjalankan usaha menerokai dan menarik pelabur asing mendirikan kilang-kilang mereka di negara kita. Dalam proses perlulusan permohonan pelabur asing ini, apakah syarat-syarat yang dipakai sebagai prinsip “Penarikan Berpilihan” bagi mengelakkan kesan pencemaran alam sekitar yang mungkin berlaku hasil daripada pelaburan tersebut.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng Ding]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pembinaan kilang-kilang yang tertakluk kepada seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) dan (Pindaan) 1985, pihak pelabur-pelabur asing dikehendaki menyediakan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) dan mencadangkan langkah-langkah kawalan untuk kelulusan Ketua Pengarah Alam Sekeliling.

Bagi pembinaan kilang-kilang yang tidak tertakluk kepada seksyen 34(a) akta tersebut Jabatan Alam Sekitar akan menilai kesesuaian tapak kilang dan

pihak kilang dikehendaki mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling untuk memasang alat-alat kawalan bagi mengelakkan kesan pencemaran alam sekitar. Sekian, terima kasih.

PERKHIDMATAN PERGIGIAN DI SARAWAK

4. **Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah kementerian beliau akan menambah khidmat kesihatan khasnya khidmat pergigian di Sarawak; dan
- (b) berapa buah klinik desa yang ada di luar bandar di negeri Sarawak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:

Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Kementerian Kesihatan telah mencadangkan 109 projek kesihatan dan 53 projek pergigian untuk memberi khidmat serta mempertingkatkan lagi taraf kesihatan kepada penduduk-penduduk di Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.
- (b) Bilangan klinik desa yang ada di luar bandar di negeri Sarawak adalah seperti berikut:

1.	Pusat Kesihatan Fasa 1	-	81
2.	Klinik Desa	-	87
3.	Klinik Kesihatan Ibu dan Anak	-	29
4.	Klinik Desa Dispensari Kecil	-	19

	Jumlah	-	186
			====

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Ng See Tiong, sila.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kementerian bercadang mengadakan khidmat pergigian di Bangunan Parlimen ini sebab kadang-kadang Ahli-ahli Yang Berhormat pun sakit gigi juga, hendak jumpa doktor tidak ada di sini. Terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Cadangan ini pun baik juga, kita boleh consider, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya soalan asal itu di Sarawak sahaja, tetapi tidak apalah kerana Setiausaha Parlimen menjawab juga.

PETRONAS - JUMLAH PERBELANJAAN PELAJAR

5. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Perdana Menteri menyatakan:
- (a) setakat ini berapakah jumlah perbelanjaan pelajar-pelajar Petronas serta tingkat bidang pengajian masing-masing yang telah dicapai dan apakah pula unjurannya sehingga 2020; dan
 - (b) apakah bidang dan berapakah jumlah research dan development setakat ini dan unjurannya sehingga 2020.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Yang Berhormat perbelanjaan Petronas dalam bidang pendidikan bagi tahun 1975 hingga 1 Disember 1995 adalah berjumlah RM548 juta, merangkumi

kursus peringkat diploma dan ijazah di dalam dan di luar negeri. Buat masa ini Petronas telah menaja seramai 3,036 orang pelajar melanjutkan pelajaran di dalam dan di luar negeri.

Pembiayaan Petronas dalam bidang pendidikan pada masa hadapan bergantung kepada keperluan semasa. Sejak ditubuhkan seramai 5,146 pelajar tajaan Petronas telah tamat pengajian masing-masing dan dari jumlah tersebut seramai 2,535 orang adalah dari jurusan kejuruteraan, 1,021 orang dari jurusan sains gunaan dan 1,590 orang dari jurusan lain.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat di bawah Rancangan Malaysia Keenam jumlah projek penyelidikan dan pembangunan R&D yang diluluskan untuk pembiayaan ialah 2,329 projek bernilai sebanyak RM547,911,260. Kajian meliputi bidang-bidang pertanian, perubatan, industri strategik dan sosial dengan melibatkan 32 buah institusi penyelidikan termasuk universiti-universiti.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan Petronas mengeksploitasi khazanah kekayaan negara menerusi pengeluaran minyak dan gas. Adakah Petronas bercadang untuk menentukan masa depan khazanah kekayaan negara dapat dipertahankan terutama

sekali dengan menceburkan diri dalam bidang penanaman kayu-kayan di negara ataupun buluh di sepanjang sungai-sungai, kerana kepupusan resource ini ataupun sumber ini pun seperti juga gas dan minyak yang tidak dapat kita tokok-tambah dapat diusahakan memandangkan ini ada sangkut pautnya dengan kegiatan sumber alam oleh Petronas?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kalau mengikut Akta Petronas, kita hanya dihadkan untuk melibatkan dalam aktiviti yang ada kaitan dengan petrol dan gas sahaja.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah jumlah pelajar-pelajar Petronas daripada negeri Sabah dan juga dari Sarawak setakat ini?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini merupakan satu soalan yang khusus, saya minta izin untuk menjawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

INTEGRASI BUDAYA, ADAT-RESAM DAN FIKIRAN AGAMA BERBILANG KAUM - PENYATUAN

6. **Tuan Tan Swee Hueng** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan adakah kementerian beliau mengambil perhatian dalaman untuk menyatukan rakyat melalui integrasi budaya, adat-resam dan fikiran agama di antara berbilang kaum di Malaysia:

- (a) apakah langkah-langkah bagi mengatasinya;
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian

beliau; dan

(c) apakah tujuan terakhir (final aim).

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bahawa kementerian ini ada mengambil perhatian yang berkaitan. Sehubungan dengan itu bagi menjawab soalan,

(a) Antara langkah-langkah untuk mengatasinya ialah menyebarkan maklumat khususnya mengenai kebudayaan dan adat resam pada masyarakat pelbagai kaum di negara ini untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan seterusnya semangat toleransi mereka serta memberikan pendedahan secara langsung kepada masyarakat mengenai aspek-aspek tersebut melalui penyertaan mereka dalam program dan aktiviti yang berkaitan yang dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara.

(b) Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah menerbitkan buku kecil Resam Muhibah Masyarakat Malaysia secara bersiri yang mengandungi maklumat mengenai adat resam masyarakat pelbagai kaum di negara ini. Menerbitkan buku yang mengandungi maklumat mengenai hari-hari perayaan keagamaan dan hari-hari kebesaran masyarakat Malaysia dan mengadakan program dan aktiviti anak angkat titian emas, pendedahan pengetahuan melalui aktiviti sedar padu, aktiviti kesenian seperti Malam Seni Perpaduan Jiran Muda dan Malam Perpaduan Lagu dan Tarian etnik dan

mengadakan aktiviti ceramah khususnya mengenai adat resam dari semasa ke semasa.

- (c) Tujuan terakhir kementerian ini mengambil perhatian terhadap aspek-aspek yang disebutkan ialah untuk menyumbangkan ke arah mewujudkan satu bangsa Malaysia yang masyarakatnya bersatu padu selaras dengan usaha untuk terus mendukung cita-cita Rukun Negara dan merealisasikan pencapaian matlamat Wawasan 2020. Terima kasih.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Soalan tambahan. Bolehkah pihak Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan menjelaskan, adakah pihak kementerian mempunyai apa-apa rancangan dengan Kementerian Pendidikan dalam usaha-usaha untuk mewujudkan perpaduan sepatutnya dipupuk daripada peringkat anak-anak lagi. Terima kasih.

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, Program Sedar Padu ialah satu rancangan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan. Terima kasih.

PADI - RASIONAL ARAHAN SEKATAN PEMINDAHAN

7. **Puan Mastika Junaidah binti Husin** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah rasionalnya pihak penguatkuasa kementerian beliau mengeluarkan arahan supaya padi dari negeri Perlis tidak boleh dijual di negeri Kedah tanpa mendapat permit khas dari pihak penguatkuasa. Arahan ini menimbulkan kesusahan kepada petani-petani terutamanya petani-petani yang tinggal di sempadan kedua-dua negeri.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku

Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Arahan Sekatan Pemindahan Padi dan Beras Antara Negeri 1973 tidak menimbulkan kesusahan kepada petani-petani. Ini kerana permit khas yang perlu digunakan, dikeluarkan dengan percuma dan boleh diperolehi pada setiap hari termasuk pada hari cuti hujung minggu dan hari kelepasan di mana-mana pejabat bahagian kawal selia padi dan beras. Permit khas ini juga boleh diperolehi sehari sebelum ianya digunakan. Tujuan atau rasionalnya arahan ini dikeluarkan ialah:

- (i) mengawal aliran pemasaran bekalan padi dan beras di antara satu negeri ke negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia;
- (ii) untuk memastikan bekalan padi dan beras di tiap-tiap negeri mencukupi;
- (iii) untuk mencegah pengaliran pemindahan padi dan beras yang diperolehi dari punca-punca yang tidak sah;
- (iv) untuk mengatasi kemungkinan penyeludup-penyeludup padi memperolehi bayaran subsidi harga padi yang sepatutnya diperuntukkan kepada padi yang dikeluarkan oleh petani-petani tempatan.

Jadi, dengan langkah-langkah tersebut saya yakin dan percaya akan dapat mengawal keadaan dan juga tidak akan menyusahkan kepada petani-petani sepertimana yang saya ditegaskan.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan

tambahan. Terima kasih di atas penerangan Timbalan Menteri sebentar tadi. Perkara ini saya bangkitkan oleh kerana bagi petani-petani yang memang berada di sempadan, LPN ataupun Lembaga Padi dan Beras Negara adalah berhampiran dengan mereka tetapi berada di negeri Kedah sedangkan mereka berada di negeri Perlis. Ini menimbulkan masalah bagi petani-petani yang berkenaan kerana kebelakangan ini adakah pihak kementerian sedar bahawa masalah pengaliran padi negeri Perlis ke negeri Kedah, saya kira tidaklah timbul begitu serius sebagaimana berlaku pada masa-masa yang lepas kerana keadaan ini telah dapat dikawal oleh LPN sendiri. Terima kasih.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang telah saya jelaskan, sekiranya masih lagi terdapat kesusahan yang dialami oleh petani-petani padi, maka kementerian akan membuat kajian semula khususnya kawasan-kawasan di sekitar sempadan, kerana sepertimana Yang Berhormat ketahui pada masa ini kerajaan telah mengeluarkan hampir RM300 juta setahun untuk bayaran subsidi harga padi, jadi kita kawal ketat ini dengan harapan padi-padi seludup tidak akan masuk dan menerima bayaran subsidi yang akan merugikan negara kita.

PUTRAJAYA - ENTITI YANG TERLIBAT

8. **Tuan Haji Abdul Salam Awang** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan bahawa pembangunan projek-projek di Putrajaya diperbadankan:

- (a) siapakah sebenarnya pemegang ekuiti syarikat raksasa ini;
- (b) cara manakah syarikat-syarikat berkemampuan dapat

menyertai dalam pembinaan-pembinaan dengan kumpulan ini;
dan

- (c) siapakah Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah dalam perbadanan ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a) dan (c), untuk makluman Ahli Yang Berhormat terdapat dua entiti yang akan terlibat dalam pembangunan Putrajaya iaitu:

- (i) Perbadanan Putrajaya yang mana akta penubuhannya telah dilulus oleh Dewan yang mulia ini pada persidangan yang lalu. Fungsi utama perbadanan ini ialah sebagai pihak berkuasa tempatan di samping mempunyai kuasa terhadap pentadbir tanah, penyelaras pembangunan protokol dan pentadbiran Putrajaya. Perbadanan tersebut akan mula berkuat kuasa tidak lama lagi. Kerajaan akan mengumumkan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah perbadanan ini sebaik sahaja ianya diwartakan dan dikuatkuasakan.
- (ii) Bagi melaksana dan membiayai pembangunan Putrajaya, sebuah konsortium telah ditubuhkan iaitu dikenali sebagai Putrajaya Holding Sdn. Bhd. (PHSB) yang terdiri daripada pemegang ekuitinya, antara lain Petronas dan Khazanah Nasional Berhad. PHSB akan bertanggungjawab memaju dan

seterusnya membiayai sebahagian besar kos pembinaan melalui konsep penswastaan.

Bagi menjawab soalan (b), syarikat-syarikat yang berkemampuan dapat turut serta dalam pembinaan yang terdapat di Putrajaya melalui amalan biasa iaitu melalui tender yang akan dikeluarkan oleh PHSB ataupun melalui kerjasama dengan PHSB melaksanakan komponen-komponen tertentu.

KERUGIAN SYARIKAT KUMPULAN PERWAJA

9. **Tuan Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) dapatkah kerajaan menyatakan dengan benar, Syarikat Perwaja mengalami kerugian yang di luar dugaan semua pihak, berapa jumlah kerugian sebenar, adakah Syarikat Perwaja masih menanggung hutang dengan sesiapa;
- (b) apakah langkah-langkah yang dicadangkan diambil sama ada menjual Syarikat Perwaja atau menyusun semula keseluruhan pengurusan syarikat ini; dan
- (c) adakah kerugian Syarikat Perwaja ini merupakan satu sabotaj terhadap kerajaan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan laporan kewangan yang telah diaudit, kerugian sebelum cukai Kumpulan Perwaja bagi tahun kewangan berakhir 31hb. Mac 1995 berjumlah RM376.54 juta. Syarikat Perwaja ada menanggung hutang berbentuk pinjaman dengan bank-bank perdagangan di dalam dan di luar negeri dan juga hutang dengan pembekal-pembekal sektor kontraktor bagi membiayai perbelanjaan modal dan perniagaan Kumpulan Perwaja.

Buat masa ini, kerajaan bercadang akan meneliti kedudukan keseluruhan Syarikat Kumpulan Perwaja sebelum menentukan apa-apa tindakan yang akan diambil ke atasnya.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada bukti bahawa kerugian tersebut merupakan satu sabotaj terhadap kerajaan.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Soalan tambahan. Dengan kerugian yang yang disebutkan oleh syarikat yang telah pun dialami oleh Syarikat Perwaja, bagaimana dengan vendor-vendor yang telah pun syarikat berkenaan membuat tawaran kepada pengusaha-pengusaha tempatan untuk menjadi vendor untuk mengeluarkan paku bagi pihak syarikat berkenaan.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, kegiatan seperti ini berjalan secara biasa juga.

AKTA PENDIDIKAN BARU - MASALAH KEKURANGAN GURU

10. **Puan Kian Sit Har** minta Menteri Pendidikan menyatakan dengan berkuatkuasanya Akta Pendidikan Baru, permintaan tenaga pengajar juga meningkat bagi memenuhi keperluan di semua aliran sekolah. Untuk ini, adakah kementerian beliau telah mempunyai perancangan yang teliti bagi mengatasi masalah kekurangan guru.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang telah mempunyai perancangan jangka panjang bukan sahaja bagi mengatasi masalah kekurangan guru di semua aliran sekolah, tetapi juga bagi memenuhi keperluan guru pada masa akan datang. Antaranya:

- (i) menambah bilangan maktab perguruan;
- (ii) mempertingkatkan pengambilan pelajar ke maktab-maktab perguruan; dan
- (iii) menambah pengambilan dan memperluaskan program kursus dalam cuti (KDC) bagi menambah bilangan guru terlatih di sekolah-sekolah rendah.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Adakah kementerian bercadang untuk mengambil tenaga pengajar daripada luar negara, terutama di bidang bahasa Inggeris dan Matematik?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, dari segi keseluruhannya tenaga-tenaga pengajar di sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan selalunya menggalakkan pelajar Malaysia menceburi bidang tersebut, oleh kerana bidang pendidikan ini merupakan bidang yang strategik, di mana kita perlukan warganegara kita untuk memelihara semangat pendidikan anak-anak kita. Namun demikian, dalam mata-mata pelajaran tertentu di mana kita hadapi kekurangan guru yang ketara, di mana pakar-pakar guru bolehlah didapati dari negara-negara yang mempunyai kepakaran tersebut seperti di bidang bahasa Inggeris misalnya, Kementerian Pendidikan boleh mempertimbangkan.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam meningkatkan dan memenuhi keperluan guru di semua aliran sekolah, saya ingin bertanya bagaimanakah atau apakah guru-guru sementara dan guru-guru sandaran yang ada di sekolah-sekolah pada hari ini dikekalkan atau dimansuhkan jawatan mereka?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah kekurangan guru, buat sementara ini Kementerian Pendidikan masih perlu menggunakan tenaga guru-guru sementara dan guru-guru sandaran untuk memenuhi jawatan-jawatan tertentu, di mana kita tidak dapat guru-guru terlatih.

Sekarang Kementerian Pendidikan telah buat satu survey atau kajian,

khususnya untuk membolehkan semua guru sementara atau guru sandaran ini untuk dimasukkan ke maktab-maktab perguruan atau untuk mengikuti program kursus dalam cuti yang akan membolehkan mereka menjadi guru terlatih.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Menteri Pendidikan telah pun mengumumkan bahawa mata pelajaran Agama Islam akan diajarkan menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar. Bolehkah Timbalan Menteri menyatakan apakah persediaan dan langkah-langkah yang diatur bagi melaksanakan dasar ini?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Kementerian Pendidikan telah membuat perancangan untuk melaksanakan keputusan itu. Antara langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Pendidikan ialah untuk menyediakan guru-guru yang mempunyai kepakaran yang cukup dalam bidang tersebut. Ini akan diperluaskan dalam maktab perguruan kita supaya tuntutan bahawa guru-guru yang cukup terlatih dalam bidang tersebut akan dihantar kepada semua sekolah untuk melaksanakan keputusan itu.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kebelakangan ini, profesion guru nampaknya tidak begitu membanggakan. Ini adalah disebabkan tarikan untuk menjadi guru itu telah pun kurang. Saya pernah dengar seorang ibu, apabila anaknya tidak hendak belajar, dia bertanya anaknya, 'awak hendak jadi apa? Hendak jadi gurukah?' Jadi, nampaknya profesion guru ini sudah akhir sekali menjadi pilihan penuntut-

penuntut untuk bekerja kemudiannya. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, adakah tidak usaha-usaha Kementerian Pendidikan untuk meninggikan prestasi guru-guru ini dengan menaikkan gajinya lagi, dengan memberi imbuhan-imbuhan yang sesuai bagi guru-guru yang mengajar di luar-luar bandar itu, supaya lebih ramai lagi masuk dalam profesion guru ini?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sebaliknya profesion perguruan ini merupakan satu profesion yang noble, di mana nasib negara kita adalah terpulang kepada tangan guru-guru, kerana kepada merekalah kita serahkan anak-anak kita, kepada merekalah kita serahkan nasib masa hadapan kita. Jadi, Kementerian Pendidikan percaya bahawa masih ada ramai pemuda-pemudi yang akan mengambil cabaran itu untuk menentukan nasib negara kita.

Namun demikian, kita juga sedar bahawa untuk mempertingkatkan imej dan maruah profesion tersebut, Kementerian Pendidikan juga harus mengemaskinkan skim perkhidmatan guru-guru itu supaya mereka boleh rasa keyakinan dan menaruhkan perhatian yang penuh terhadap profesion itu.

Jadi, baru-baru ini Kementerian Pendidikan telah tentukan bahawa skim untuk graduate daripada maktab perguruan kita akan dinaikkan dari peringkat sijil ke diploma. Dari segi prinsipnya, Kementerian Pendidikan telah bersetuju, dan kita sekarang tunggu keputusan dari JPA. Kalau diluluskan, ertinya gaji bagi guru-guru bukan siswazah akan dinaikkan mengikut skim diploma itu.

Selain dari itu juga, Kementerian Pendidikan selalunya menggalakkan guru-

guru dari sekolah rendah untuk mengambil cuti tanpa gaji atau cuti separuh gaji dan juga menggalakkan mereka diberikan biasiswa untuk mengikut kursus-kursus di universiti untuk melanjutkan atau menaikkan karier mereka. Selain dari itu juga, kita selalunya memperluaskan peluang-peluang untuk guru-guru, sama ada guru sekolah menengah dan guru sekolah rendah untuk menghadiri seminar dan persidangan sama ada dalam negeri atau luar negeri untuk memperluaskan ilmu mereka supaya mereka boleh terus berkhidmat bagi Kementerian Pendidikan.

LIMA - LOKASI, KOS DAN KESAN PAMERAN

11. **Tuan Haji Othman bin Yunus** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) adalah pihak kementerian beliau bercadang untuk mengadakan Pameran Antarabangsa Udara dan Maritim Langkawi (LIMA) di luar daripada Pulau Langkawi;
- (b) berapakah kos atau belanja untuk membiayai pameran tersebut; dan
- (c) sejauh manakah kesan hasil daripada Pameran LIMA itu diadakan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab bagi pihak Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pertahanan tidak bercadang untuk mengadakan

Pameran Antarabangsa Udara dan Maritim Langkawi (LIMA) di luar daripada Pulau Langkawi.

- (b) Pameran LIMA adalah dianjurkan oleh pihak swasta, manakala kerajaan berperanan memberi sokongan untuk menentukan kejayaannya. Perbelanjaan kerajaan untuk menyokong Pameran LIMA '95 adalah dianggarkan RM4.7 juta yang merangkumi kos penginapan dan pengangkutan tetamu dan pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat dalam sekretariat kerajaan dan penganjuran majlis-majlis kerajaan rasmi seperti majlis-majlis jamuan.

Perbelanjaan atau kos penganjuran Pameran LIMA '95 oleh pihak penganjur masih belum dapat ditentukan.

- (c) Pameran-pameran LIMA yang diadakan di negara ini telah memberi kesan-kesan seperti berikut:
- (i) menjadikan Malaysia amnya, dan Pulau Langkawi khususnya sebagai salah satu pusat pameran bertaraf antarabangsa;
 - (ii) menarik lebih banyak pelaburan ke negara ini, khususnya dalam industri aerospace dan maritim;
 - (iii) memperkenalkan Pulau Langkawi sebagai bukan sahaja sebuah pusat pelancongan yang terkemuka,

malahan sebagai salah sebuah pusat komersil yang terkenal di dunia sesuai dengan kedudukannya sebagai pulau bebas cukai.

- (iv) menimbulkan kesedaran dan penghayatan teknologi tinggi, terutamanya dalam bidang berkaitan dengan aerospace dan maritim kepada rakyat, khasnya generasi muda.

KESALAHAN JALAN RAYA - MENAHAN LESEN MEMANDU

12. **Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah kerajaan telah mengambil tindakan menahan lesen memandu mereka yang dengan sengaja dan berulang kali melakukan kesalahan jalan raya;
- (b) berapa banyakkah lesen memandu yang telah ditahan atau dibatalkan kerana kesalahan lalulintas;
- (c) adakah pihak kementerian telah mengatur program orientasi dan bimbingan kepada mereka berkenaan sebelum lesen memandu dikembalikan dan mereka dibenarkan memandu di jalan raya; dan
- (d) apakah program-program lain yang telah diatur untuk mengurangkan kemalangan jalan raya yang kian meningkat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan telah mengambil tindakan menahan lesen memandu mereka yang berulang kali melakukan kesalahan jalan raya.

Tindakan ini dibuat dengan kerjasama pihak Polis DiRaja Malaysia serta Jabatan Pengangkutan Jalan. Ini bertujuan untuk memberi peringatan kepada para pemandu agar mereka lebih berwaspada di masa hadapan.

- (b) Sejak tahun 1986 hingga Oktober 1995 sebanyak 528 lesen pemandu pemilik-pemilik kenderaan telah ditahan bagi tempoh selama tiga bulan kerana melanggar peraturan lalulintas.
- (c) Kerajaan sedang merangka satu program orientasi dan bimbingan kepada pemandu-pemandu yang telah ditahan lesen memandu mereka. Tujuan program ini adalah mengubah sikap dan corak pemanduan mereka yang terlibat.
- (d) Bagi mengurangkan kemalangan jalan raya yang kian meningkat, program-program yang telah dilaksanakan ialah memberi ceramah-ceramah kepada pemandu-pemandu di syarikat bas dan teksi yang beroperasi, mencetak dan mengedarkan buku-buku panduan berhubung dengan keselamatan jalan raya dan memberi pendidikan berhubung dengan keselamatan jalan raya di media massa seperti di radio, televisyen dan akhbar. Dalam pada itu, kempen-kempen sepertimana kempen-kempen musim hari raya, hari

perayaan dan juga kempen melalui pelbagai media akan terus diadakan.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita tahu, bahawa pada masa sekarang ini fenomena belia-belia kita terutama sekali belia-belia yang menunggang motosikal ini, menjadi satu perkara yang amat serius, kerap kedengaran belia-belia ini sengaja merempuh pihak polis yang mengadakan sekatan jalan raya. Pada pendapat pihak polis yang saya temuramah di dua, tiga tempat, perlu satu peraturan yang lebih keras diadakan, satu hukuman yang lebih berat diadakan. Jadi, saya hendak tahu, sama ada pihak kementerian telah merangka sama ada mengadakan satu akta baru ataupun mengadakan hukuman yang lebih berat kepada penunggang-penunggang motosikal haram ini yang sengaja mengadakan kegiatan-kegiatan yang ditegah ini?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, memang apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat Senator adalah benar, iaitu pada masa ini kita dapat melihat melebihi 50% kemalangan yang berlaku di negara kita adalah melibatkan motosikal. Walaupun kerajaan tidak bercadang untuk menggubal satu undang-undang untuk mengawal keadaan ini, kerajaan berpendapat bahawa undang-undang yang sedia ada memang mencukupi untuk mengawal keadaan dan buat masa ini pihak JPJ sebagai salah satu agensi kementerian saya, memang sedang mengkaji sama ada, ada cara lain supaya kemalangan melibatkan motosikal akan diturunkan lagi.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita telah dimaklumkan, kemalangan masih berlaku walaupun pelbagai usaha telah dibuat oleh pihak kerajaan. Saya ingin mendapat pandangan daripada kerajaan, apakah punca yang masih berlaku kemalangan dan apakah langkah-langkah yang patut diambil lagi bagi mengatasi masalah sosial yang begitu ketara buat masa sekarang?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan dalam jawapan asal, memang kerajaan telah berusaha melalui berbagai-bagai cara supaya kadar kemalangan di negara ini dapat diturunkan lagi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jika kita bandingkan kadar kemalangan dari segi jumlah kes, bagi tahun 1994 iaitu tahun yang lepas dan tahun ini, kadarnya lebih kurang sama, tidak naik banyak ataupun tidak turun, tetapi kita berpendapat ini adalah satu signal yang menggalakkan oleh kerana kita dapat melihat tambahan kenderaan pada setiap hari yang meningkat juga. Pada masa yang sama, jumlah kes kemalangan jalan raya di negara ini pada tahun ini memang tidak berubah dengan tahun yang lepas.

Menjawab soalan iaitu tentang apakah sebab kemalangan berlaku, saya berpendapat, sebab utama bagi kemalangan berlaku di negara ini adalah kecuaiannya pemandu. Yang kedua, tidak mematuhi peraturan lalulintas dan kerajaan memang amat mementingkan perkara ini dan dari semasa ke semasa sentiasa kita dapat melihat melalui pelbagai cara iaitu media massa, macam mana kita dapat mendidik pemandu di negara kita untuk menjadi lebih sopan, lebih mematuhi undang-undang lalulintas.

PEKERJA WANITA DALAM PASARAN BURUH - PERATURAN

13. **Dr. Ng Yen Yen** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) peratusan pekerja wanita yang telah memasuki pasaran buruh mengikut sektor; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menggalakkan peningkatan kadar penyertaan wanita kepada kadar yang lebih tinggi.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji

Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut suatu kajian mengenai tenaga buruh yang dijalankan pada tahun 1993 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, peratusan pekerja wanita yang telah memasuki pasaran buruh mengikut sektor adalah seperti berikut:-

Pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan -	19.04%
Perlombongan dan kuari -	0.14%
Pembuatan -	30.29%
Elektrik, gas dan air -	0.23%
Pembinaan -	1.21%
Perdagangan, borong dan runcit, restoran dan hotel -	19.60%
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan -	1.36%
Perkhidmatan kewangan, insurans, harta benda dan perniagaan-	4.82%
Perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian -	29.31%

- (b) Kerajaan menjalankan pelbagai usaha untuk menggalakkan lebih ramai wanita memasuki pasaran buruh. Usaha-usaha yang giat dijalankan itu termasuklah:-
 - (i) menyeru sektor swasta menubuhkan pusat

asuhan kanak-kanak di tempat-tempat pekerjaan atau di tempat berhampiran dan majikan layak mendapat insentif pelepasan cukai bagi kos pembinaan pusat asuhan tersebut;

- (ii) memberi kelulusan kepada majikan mengadakan syif malam iaitu 10.00 malam hingga 5.00 pagi untuk pekerja wanita, syarat yang dikenakan adalah majikan hendaklah menyediakan pengangkutan percuma dan memberi elaun syif kepada pekerja-pekerja terbabit;
- (iii) menggalakkan majikan-majikan menyediakan asrama untuk pekerja-pekerja, khususnya pekerja-pekerja wanita supaya pekerja-pekerja tersebut yang datang dari jauh akan terus bekerja dengan adanya penginapan yang sempurna dan selamat;
- (iv) menggalakkan majikan menubuhkan bahagian kaunseling di tempat kerja untuk kaum wanita khususnya diberi kaunseling mengenai pekerjaan dan peraturan kerja serta juga

- masalah-masalah sosial dan peribadi;
- (v) menggalakkan majikan memberi kerja-kerja tertentu kepada suri rumah untuk dilakukan di rumahnya sendiri, di bawah konsep ‘homework’; dan
 - (vi) menggalakkan konsep kerja separa masa (part-time work) dengan kerja waktu anjal (flexy time) dengan meminda Akta Kerja 1955.

Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa peratuskah Multi National Industry (MNI) dan SMI yang sudah ada pusat-pusat asuhan di tempat kerja mereka?

Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, jumlah angka penubuhan pusat asuhan yang ada pada kami setakat ini tidaklah begitu menggalakkan iaitu 18 sahaja yang direkodkan, yang telah dilaporkan kepada kami dan yang telah memohon 23 lagi. Tetapi, selepas kita lancarkan garis panduan tepat mengenai cara-cara untuk menubuhkan pusat asuhan dengan cara yang lebih cepat dan teratur, kami yakin bahawa penubuhan pusat-pusat asuhan ini akan berjalan dengan lebih lancar lagi.

Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana memberikan galakan kepada kaum wanita untuk meningkatkan jumlah pekerjaan. Tetapi

daripada jumlah ini, kita ingin tahu, berapakah pula jumlah kaum wanita ini yang terdiri daripada pekerja-pekerja asing? Dan adakah ini menjejaskan, dari segi pengangguran wanita dan juga kaum lelaki.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, angka yang saya beri ini semuanya adalah terdiri daripada pekerja-pekerja wanita rakyat Malaysia.

KARGO/KONTENA DI PELABUHAN KELANG - KAPASITI PENGENDALIAN

14. Tuan Tan Soon Lee minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Pelabuhan Kelang mempunyai cukup kapasiti untuk mengendalikan jumlah kargo yang semakin bertambah, khususnya kotak kontena dan mengikut kajian yang sedia ada apakah kapasiti maksimum kontena yang dapat dikendalikan oleh Pelabuhan Kelang. Berapa pelabuhan di Pelabuhan Kelang telahpun diswastakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Pelabuhan Kelang mempunyai kapasiti yang mencukupi untuk mengendalikan jumlah kargo. Walau bagaimanapun, Lembaga Pelabuhan Kelang sebagai Penguasa Pelabuhan Kelang senantiasa merancang supaya perkhidmatan kargo kepada pelanggan dari segi pengendalian kargo, khususnya kotak kontena dipertingkatkan dalam suatu keadaan, supply driven environment, dengan izin. Secara keseluruhannya, pada tahun 1996, iaitu tahun depan, Pelabuhan Kelang akan mempunyai 12 dermaga kontena sepanjang 3,435 meter dengan kapasiti 2.2 juta T.E.U.s ataupun 20 foot equivalent ataupun kotak kontena yang berukuran 20 kaki panjang. Dengan kapasiti ini adalah dijangka Pelabuhan Kelang akan dapat menampung

permintaan yang semakin bertambah. Dengan pembangunan yang sedang dibuat Pelabuhan Kelang akan mempunyai kapasiti maksimum sebanyak 4,5 juta T.E.Us di masa-masa akan datang.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini ketiga-tiga terminal di Pelabuhan Kelang yang sedia ada telah pun diswastakan.

Tuan Tan Soon Lee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, pada tahun ini berapa jumlah kontena telah melalui Pelabuhan Kelang dan selain daripada kargo jenis kontena adakah jenis kargo yang lain dikendalikan oleh Pelabuhan Kelang?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, mengenai maksud Yang Berhormat jumlah kontena yang melalui Pelabuhan Kelang ialah jumlah kontena yang dikendalikan oleh Pelabuhan Kelang sukacita saya memberitahu iaitu pada tahun ini, pada bulan Januari hingga bulan Oktober, 1995 sebanyak 928,141 T.E.Us telah dikendalikan oleh Pelabuhan Kelang dan dari segi jenis-jenis kargo, saya juga ingin memberitahu selain daripada kotak-kotak kontena, Pelabuhan Kelang juga mengendalikan kargo-kargo bercorak ataupun jenis pukal kering (dry bulk) seperti Fertiliser, sugar, flour dan juga kargo umum dan satu jenis lagi ialah liquid bulk iaitu kargo pukal cecair.

INFLASI SIFAR - KESAN PROGRAM

15. Tuan M.G. Pandithan minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah langkah-langkah positif sedang diambil oleh kerajaan untuk mencapai sasaran Inflasi Sifar dan apakah respon daripada kedua-dua pihak di kalangan konsumen dan komuniti perdagangan.

45. Tuan Isli bin Haji Siput minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan setakat ini apakah tahap kejayaan yang dicapai dalam kempen ‘Inflasi Sifar’.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan yang dikemukakan oleh Tuan M.G. Pandithan ini bersama-sama dengan soalan dari Yang Berhormat Tuan Isli bin Haji Siput pada hari ini juga kerana ianya menyentuh perkara yang sama iaitu mengenai Inflasi Sifar.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan nombor berapa?

Tuan Tan Chai Ho: Soalan No.45.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, teruskan.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, kesan program Inflasi Sifar yang dilaksanakan oleh kerajaan tidak dapat dinyatakan secara tepat buat masa ini. Walau bagaimanapun, program-program “Inflasi Sifar” yang dilaksanakan telah dapat sambutan yang baik dari berbagai pihak termasuk agensi-agensi kerajaan, badan-badan sukarela dan juga oleh sektor swasta. Badan-badan berkenaan juga telah turut melaksanakan aktiviti yang selaras dan menjurus kepada matlamat Inflasi Sifar.

Langkah-langkah positif yang telah dan sedang diambil oleh kerajaan untuk mencapai sasaran Inflasi Sifar termasuk langkah fisekal dan monetary serta langkah pentadbiran. Langkah pentadbiran ini merangkumi Kempen Anti-Inflasi melalui media cetak dan media elektronik, program Kedai Harga Patut dan Hari

Inflasi Sifar. Program-program Inflasi Sifar yang dilaksanakan telah mendapat sambutan baik dari pengguna dan peniaga.

Tuan Rahim bin Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut jawapan daripada Setiausaha Parlimen tadi, pihak kementerian telah pun mendapatkan kerjasama daripada badan-badan korporat, swasta dan juga kerajaan untuk mencapai sasaran Inflasi Sifar. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian kerana telah pun mendapatkan kerjasama dari PLUS hingga PLUS tidak jadi menaikkan kadar tolnya - saya harap begitulah. Jadi, adakah pihak kementerian juga akan mendapatkan kerjasama daripada pihak TNB dan juga pihak Telekom supaya tidak menaikkan kadar tarif yang dikenakan kepada pengguna supaya kita benar-benar dapat mencapai sasaran Inflasi Sifar ini?

Tuan Yang di-Pertua: Itu harapan atau pertanyaan?

Tuan Rahim bin Baba: Kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan kenaikan bayaran tol oleh PLUS, dan kenaikan tarif elektrik dan telefon, untuk makluman Yang Berhormat kementerian akan membuat kajian dan meneliti perkara ini dengan terperinci. Keputusan akan dibuat atau diputuskan oleh kerajaan pusat.

Tuan Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana cara-cara untuk mengurangkan inflasi ini telahpun berjalan dan dibuat. Saya tidak hendak mengambil berat sangat berkenaan dengan tol-tol ini, saya hendak mengambil berat berkenaan dengan makanan. Kebelakangan ini, dalam seminggu dahulu, harga oren jus sebotol - saya tidak hendak sebut tempatnya, adalah RM5.90 dan sekarang ini sudah naik RM7.80. Semenjak

terdengar kenyataan bahawa kakitangan kerajaan hendak dapat kenaikan gaji yang lebih seperti bonus dan sebagainya, harga barang-barang telah melambung naik di pasaraya dan di pasar mini. Jadi, saya rasa pihak kerajaan kena berusaha dengan lebih kuat lagi untuk mengatasi masalah ini. Kalau tidak, tidak ada maknanya kita berusaha untuk mencapai inflasi sifar.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah termasuk kenaikan gaji Senator juga?

Tuan Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, Senator ini memang sudah tidak naik kerana sudah tua. Kalau boleh pun apa salahnya kaji naik gaji.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan sistem ekonomi bebas. Oleh itu, kenaikan harga barangan lazim berlaku. Sungguhpun demikian, tindakan-tindakan perlu adalah diambil untuk menentukan tidak berlaku kenaikan harga barang dengan sewenang-wenangnya, tanpa sebab-sebab yang munasabah dan berpatutan.

Jadi, barang-barang yang dikawal atau barang-barang yang di bawah kawalan tetap, kenaikan harga mestilah dapat kelulusan dari kementerian saya dan barang-barang lain, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat ada butir-butir yang spesifik, silalah beri tahu kementerian saya supaya tindakan akan diambil.

Pada masa sekarang, kementerian saya melalui Bahagian Penguatkuasaan telah mengetatkan pemeriksaan terhadap tempat-tempat perniagaan supaya tidak melakukan apa-apa penyelewengan.

BEKAS ANGGOTA PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM) YANG MENETAP DI SELATAN THAILAND - BILANGAN

16. **Tuan Itam Wali bin Nawan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa di antara bekas anggota komunis yang menetap di Selatan Thailand selepas perletakan senjata Parti Komunis Malaya (PKM) pada 1959:

- (a) adakah terdapat masyarakat Orang Asli di Malaysia;
- (b) jumlah bilangan; dan
- (c) dari kumpulan etnik mana dan adakah mereka memohon untuk kembali ke Malaysia.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab bagi pihak Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, ekoran dari perletakan senjata Parti Komunis Malaya pada 2hb. Disember 1989, seramai 1,112 ahli-ahli dan bekas anggota unit bersenjata Parti Komunis Malaya telah keluar dari hutan. Dari jumlah tersebut, 426 orang berasal dari Malaysia.

- (a) Jawapannya ya. Ada terdapat masyarakat Orang Asli Malaysia.
- (b) Jumlahnya ialah 14 orang adalah Orang Asli Malaysia.
- (c) Mereka datang dari suku kaum Temiar dan 9 orang dari mereka telah kembali ke Malaysia dan baki 5 orang lagi, menetap di Selatan Thailand.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian pertanyaan-pertanyaan untuk Jawab Mulut.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan

Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 Hingga 50 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH KEHAKIMAN (PINDAAN) (NO. 2) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.42 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan)(No. 2) 1995 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini dibentangkan ialah untuk meminda beberapa peruntukan Akta Mahkamah Kehakiman 1964 bagi menyelaras dan melicinkan lagi pentadbiran mahkamah atasan selaras dengan penubuhan Mahkamah Rayuan pada tahun 1994.

Pada tahun 1994, Perlembagaan Persekutuan telah dipinda untuk mewujudkan suatu Mahkamah Rayuan di dalam struktur mahkamah-mahkamah atasan bagi memperuntukkan satu lagi peringkat rayuan. Dengan ini, semua rayuan dari Mahkamah Tinggi dan mahkamah-mahkamah rendah yang lain, hendaklah didengar terlebih dahulu oleh Mahkamah Rayuan sebelum rayuan selanjutnya boleh dibawa ke Mahkamah Persekutuan.

Dalam hal ini, peruntukan seksyen 8 yang sedia ada dalam Akta Mahkamah Kehakiman 1964 memperuntukkan bahawa susunan keutamaan di antara Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya dan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak adalah mengikut susunan keutamaan seperti yang ditetapkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Dalam hal ini, Yang di-Pertuan Agong telah menetapkan susunan keutamaan hakim-hakim berkenaan adalah seperti berikut:-

- (i) Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya;
- (ii) Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak;
- dan
- (iii) Presiden Mahkamah Rayuan.

Setelah ianya dilaksanakan, didapati susunan keutamaan tersebut adalah tidak selari dengan hirarki mahkamah-mahkamah atasan seperti yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

Mahkamah Rayuan merupakan mahkamah yang kedua tertinggi dalam hirarki struktur badan kehakiman iaitu selepas Mahkamah Persekutuan. Namun demikian, kedudukan Presiden Mahkamah Rayuan diletakkan selepas hakim-hakim besar dalam susunan keutamaan hakim-hakim. Di samping itu, dalam konteks saraan, hakim-hakim berasaskan Akta Saraan Hakim 1971 menunjukkan bahawa saraan Presiden Mahkamah Rayuan adalah melebihi saraan hakim-hakim

besar.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 2 Rang Undang-undang yang dicadangkan ini adalah bertujuan meminda seksyen 8 Akta Ibu untuk menyelaraskan susunan keutamaan di antara Presiden Mahkamah Rayuan dan hakim-hakim besar supaya ianya adalah selaras dengan hirarki mahkamah seperti yang ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan serta saraan yang diperuntukkan di bawah Akta Saraan Hakim 1971.

Fasal 3 Rang Undang-undang pula adalah bertujuan untuk meminda seksyen 9 Akta Ibu bagi mengadakan peruntukan terhadap perjalanan kuasa serta pelaksanaan tugas Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan kedua-dua hakim besar semasa ketiadaan mereka. Di samping itu, pindaan tersebut juga adalah untuk membolehkan Hakim Mahkamah Persekutuan ditetapkan bagi menjalankan kuasa dan melaksanakan tugas Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak semasa ketiadaan beliau atau sekiranya terdapat kekosongan dalam jawatan itu dan atas sifat itu juga untuk menjalankan fungsi-fungsi sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan.

Seksyen 9(1), akta yang sedia ada telah memperuntukkan bahawa Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya diikuti oleh Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak menanggung kerja jawatan Ketua Hakim Negara dalam keadaan di mana Ketua Hakim Negara tidak dapat menjalankan tugasnya termasuk tugas-tugas di bawah Perlembagaan Persekutuan disabitkan kerana sakit, berada di

luar negeri atau atas sebab-sebab yang lain.

Dalam hubungan di atas, pindaan kepada seksyen 9 menerusi Fasal 3(a) adalah untuk menetapkan supaya Presiden Mahkamah Rayuan diikuti oleh Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya dan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak diberi keutamaan dari segi kelayakan menanggung kerja jawatan Ketua Hakim Negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, hakim yang ditetapkan atau dilantik menjalankan tugas-tugas Presiden adalah ditentukan oleh Ketua Hakim Negara atau Presiden. Begitu juga dalam hal hakim yang menjalankan tugas Hakim Besar di mana ditetapkan atau dilantik oleh Ketua Hakim Negara atau Hakim Besar yang berkenaan. Kuasa yang diberikan kepada Ketua Hakim Negara dan Presiden atau Hakim Besar ini kadangkalanya menimbulkan masalah pertindihan kuasa yang membabitkan kelicinan pentadbiran mahkamah atasan.

Oleh yang demikian, dalam Fasal 3(b) dan 3(c), seksyen 9, subseksyen (1A) dan (1B), dicadangkan dipinda supaya dalam hal penanggung tugas Presiden atau Hakim Besar, Ketua Hakim Negaralah yang menetapkan hakim itu selepas berunding dengan Presiden atau Hakim Besar.

Subseksyen 9(2) yang sedia ada dalam akta ibu memperuntukkan bahawa hanya seorang hakim Mahkamah Tinggi boleh ditetapkan untuk menjalankan sementara tugas-tugas Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak apabila beliau tiada atau tidak dapat menjalankan tugasnya. Mengikut peruntukan

yang sedia ada, seorang Hakim Mahkamah Persekutuan tidak boleh menjalankan tugas-tugas Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan di Sarawak apabila Hakim Besar tersebut tidak dapat menjalankan tugasnya.

Masalah ini adalah terhadap kepada Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak sahaja kerana dalam hal Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya, hanya Hakim Mahkamah Persekutuan boleh ditetapkan untuk menjalankan tugas-tugas mereka semasa ketiadaan mereka atau tidak dapat menjalankan tugas. Oleh yang demikian, subseksyen 9(2) ini dicadangkan dipinda dalam Fasal 3(b) Rang Undang-undang supaya Hakim Mahkamah Persekutuan juga boleh ditetapkan sedemikian.

Perkara 131(a) Perlembagaan Persekutuan menyebut, “Bahawa undang-undang Persekutuan boleh digubal bagi perjalanan tugas dan kuasa Ketua Hakim Negara, Presiden atau Hakim Besar oleh hakim lain semasa hakim-hakim itu tidak berupaya untuk menjalankan tugas mereka atau semasa kekosongan jawatan itu.”

Walau bagaimanapun, seksyen 9 akta ibu tidak diperuntukkan secara khusus mengenai keadaan kekosongan jawatan yang disebut dalam Perkara 131(a) itu. Dengan itu, pindaan adalah dicadangkan kepada seksyen 9 akta ibu dalam Fasal 3(e) Rang Undang-undang untuk memperuntukkan keadaan kekosongan jawatan ini secara khusus.

Dengan pindaan di atas, apabila berlakunya sesuatu kekosongan dalam jawatan Presiden atau Hakim Besar Mahkamah Tinggi Malaya, Ketua Hakim

Negara boleh menugaskan seorang Hakim Persekutuan untuk menjalankan tugas dan kuasa-kuasa jawatan yang kosong itu. Dalam hal kekosongan jawatan Hakim Besar Tinggi di Sabah dan Sarawak, Ketua Hakim Negara juga boleh menugaskan seorang hakim Mahkamah Persekutuan ataupun seorang hakim Mahkamah Tinggi tersebut untuk menjalankan tugas dan kuasa-kuasa hakim besar.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada seksyen 18 Akta Ibu melalui Fasal 4 adalah bertujuan untuk menangani masalah yang timbul apabila seseorang hakim yang mendengar sesuatu perbicaraan di Mahkamah Tinggi, sama ada prosiding sivil ataupun jenayah tidak dapat menamatkan sesuatu perbicaraan itu disebabkan kematian, sakit atau sebab-sebab yang lain.

Berhubung dengan prosiding sivil, kaedah 35(2), Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 memperuntukkan bahawa dalam keadaan sedemikian, seorang hakim lain boleh, jika dipersetujui oleh kedua-dua pihak meneruskan perbicaraan tersebut.

Bagi prosiding jenayah pula, seksyen 261, Kanun Acara Jenayah hanya membolehkan majistret untuk meneruskan perbicaraan yang tidak dapat ditamatkan itu. Ini bermakna, di Mahkamah Tinggi, perbicaraan sedemikian perlu didengari semula. Semua ini tertentu akan melibatkan, bukan sahaja soal kos dan pembaziran masa, tetapi juga masalah mendapatkan saksi-saksi.

Cadangan pindaan ini bertujuan mengatasi masalah tersebut dengan membolehkan perbicaraan itu diteruskan oleh hakim lain di peringkat yang

ditinggalkan oleh hakim yang terdahulu. Dalam sesuatu perbicaraan jenayah, tertuduh berhak meminta mahkamah untuk memanggil semula dan mendengar semula semua, atau mana-mana saksi yang telah memberi keterangan di hadapan hakim yang terdahulu.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, pindaan-pindaan yang dicadangkan menerusi rang undang-undang ini adalah semata-mata bertujuan untuk melicinkan dan memperkemas pentadbiran mahkamah atasan serta memperjelaskan lagi hirarki susunan keutamaan hakim-hakim dan tugas-tugas mereka selaras dengan hasrat badan kehakiman untuk mewujudkan satu bentuk pentadbiran keadilan yang cekap, berkesan dan berwawasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas sekarang. Ya, Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

3.52 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak bercakap pendek sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Pendek pun, berapa minit?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tak tahulah. Ikut sedaplah. Mengenai dengan Akta Mahkamah Kehakiman 1964 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bertujuan untuk mempertingkatkan lagi kecekapan dalam sistem kehakiman negara kita, saya hendak membangkitkan dua atau tiga perkara sahaja di dalam perbahasan ini. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar baru-baru ini bahawa Ketua Hakim Negara ada membuat kenyataan terbuka pada majlis perlantikan Hakim-hakim Mahkamah Rayuan dengan menegur dan mengingatkan para hakim supaya mereka tidak terkecuali daripada code of ethic. Ada Kod Etika Kehakiman, lebih-lebih lagi mengenai dengan kehadiran ke kamar hakim tepat pada waktunya.

Saya baca akhbar mengenai kenyataan Ketua Hakim Negara, seolah-olah ada hakim yang tidak tiba ke pejabat mengikut waktu. Jadi, perkara ini mungkin perkara kecil, tetapi sebelum ini, kita sedar banyak kes-kes yang tertunggak di mahkamah, bertimbun-timbun. Antara alasannya, kita tidak mencukupi hakim-hakim, baik di beberapa peringkat mahkamah kita, iaitu di Mahkamah Tinggi, Rendah dan seumpamanya sehingga ke Majistret, tetapi apabila Ketua Hakim Negara membuat kenyataan demikian, sudah barang tentu terdapat hakim-hakim kita yang datang lewat ke kamar kehakiman. Apakah perkara ini berlaku dan kalau perkara ini berlaku, apakah usaha untuk memastikan bahawa hakim-hakim ini menunjukkan teladan yang terbaik, sebab mereka ini hakim, sesuai dengan hasrat Akta Mahkamah Kehakiman yang dibentangkan ini.

Perkara yang kedua, memang kita ada undang-undang di mana apabila hakim mendengar sesuatu kes, mereka tertakluk kepada undang-undang yang kita buat iaitu ada hukuman yang mandatori, ada hukuman yang terpulang kepada budi-bicara hakim, walaupun diberi peraturan ataupun keputusan yang sedia ada di mana umpamanya, sebagai contoh ialah penjara 2 tahun dan denda RM2,000 dan hakim boleh membuat keputusan sendiri in between sama ada denda ataupun jel ataupun kedua-dua sekali.

Tetapi pokok pangkalnya, saya bangkitkan di sini ialah kebijaksanaan. Apakah kita sekarang ini sudah mula mengikut trend di Amerika Syarikat ataupun di Barat. Baru-baru ini saya tengok satu keputusan bersabit dengan tuntutan kemalangan di mana pihak yang menuntut telah dianugerahkan, kalau tidak silap saya RM1 juta lebih, maknanya pampasan.

Memanglah apabila dari segi insurans ini ada coverage dan ada premiumnya dan pihak mahkamah telah membuat keputusan bahawa ganti ruginya sejuta ringgit lebih, mungkin orang ini hilang daya upaya atau cacat anggotanya ataupun telah meninggal. Soalnya, pada saya, ini pemikiran saya sahaja, mungkin fikiran saya ini pelik daripada orang. Apabila duit itu dapat, orang yang menerima sejuta ringgit lebih ini adalah orang yang sudah cacat anggota ataupun sudah meninggal, siapa yang menggunakan duit ini? Kalau pihak hakim memberi keputusan yang demikian, mungkin adik-beradik, keluarga akan enjoy dengan duit tersebut. Mungkin agak bertentangan sedikit dengan pendapat-pendapat rakan-rakan, tetapi saya tengok, mungkin dalam kita menuju macam ala-Barat ini, tidak lama lagi apa pun silap, ke mahkamah, maka hakim ada kuasa, boleh buat apa sahaja keputusan sehingga di Barat, kesalahan yang kecil pun ada yang menuntut dan dapat tiga atau

empat juta ringgit. Apakah ini sistem yang kita akan tujui pada masa hadapan?

Saya hendak cautions supaya kebebasan kehakiman yang kita beri dan kita ada garis panduan dari segi menjatuhkan hukuman, tetapi sepatutnya hakim-hakim menggunakan kewarasan dalam bentuk mengeluarkan hukuman yang sesuai dengan budaya timur kita yang tidak terpengaruh sangat dengan apa yang dikatakan kebebasan kehakiman yang ada di Barat. Ini di antara perkara-perkara yang saya hendak bangkitkan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukup, saya menyokong Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman 1964 ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 6(3), saya dengan hormatnya mempersilakan Tuan Ding Seling untuk mempengerusikan Mesyuarat. Dipersilakan.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim.

3.59 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan usul pindaan undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana telah mengemukakan pindaan-pindaan kepada Akta Mahkamah Kehakiman untuk membuat pindaan-pindaan bagi memperkemaskan pentadbiran mahkamah dan yang saya percaya tindakan ini juga akan meningkatkan kepercayaan, keyakinan dan kredibiliti sistem kehakiman negara.

Seperti yang kita sedia maklum bahawa dalam satu-satu sistem kehakiman, apa yang paling penting ialah kebebasan kehakiman itu. Bahawasanya kebebasan kehakiman itu tidak dapat dipersoalkan oleh sesiapa dan rakyat merasakan apa

yang diputuskan oleh pihak kehakiman adalah suatu yang adil dan terlaksananya keadilan kepada semua rakyat jelata yang meminta perlindungan, meminta mendapatkan bantuan mahkamah.

Kita tidak mahu sistem kehakiman kita ini dipertikaikan atau dicemarkan. Mungkin kalau kita banding dengan negara-negara lain tentang kebebasan kehakiman ini bukanlah perkara yang hanya mungkin terdengar di negara ini ada desas-desus yang mempersoalkan kebebasan negara. Mungkin kita dapat lihat juga di Amerika Syarikat kebebasan kehakiman juga dipersoalkan. Contohnya, baru-baru ini dalam keputusan kes O.J. Simpson.

Walau bagaimanapun, kita merasa bangga bahawa sistem kehakiman negara masih merupakan satu sistem yang paling credible pada pandangan saya di rantau ini. Walau bagaimanapun, dalam usaha kita untuk mempertingkatkan dan memperbaiki sistem kehakiman negara ini, saya ingin menyentuh tiga fakta untuk kita sama-sama fikirkan dan juga sebagai cadangan untuk sama-sama kita menaikkan lagi taraf sistem kehakiman negara.

Saya ingin menyentuh dari segi aspek hakim itu sendiri; yang keduanya dari segi mahkamah secara fizikal; dan yang ketiganya pentadbiran kehakiman atau sistem kehakiman dikendalikan.

Tuan Yang di-Pertua, dari sudut hakim, kita dapati bahawa dalam satu sistem kehakiman atau di mahkamah-mahkamah ialah hakim itu sendiri. Di sini kita perlu melihat bahawa jikalau kredibiliti kehakiman atau sistem kehakiman itu

hendak dipersoalkan, ianya akan banyak dilihat kepada hakim bagi mahkamah yang berkenaan.

Di sini perlulah memastikan bahawa perlantikan hakim itu mestilah merupakan orang-orang yang betul-betul atau benar-benar layak dalam satu-satu bidang perundangan agar hakim itu tidak boleh dipersoalkan dalam ianya membuat keputusan-keputusan. Character atau kewibawaanya juga tidak boleh dipersoalkan dan kita juga perlu memastikan rekodnya yang baik dalam bidang perundangan dan jika sekiranya dianya seorang ahli Majlis Perundangan (Bar Council) maka perlulah dianya mempunyai rekod yang baik daripada Majlis tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita faham dan tahu bahawa hakim-hakim adalah tertakluk di bawah Kod Etika Kehakiman 1994 dan kita tahu juga ramai hakim kita ini tidak dipersoalkan tentang keputusan-keputusan yang telah dibuat. Walau bagaimanapun, ada juga kes-kes yang telah timbul di mana telah dipersoalkan tentang keputusan-keputusan yang telah dibuat. Walau bagaimanapun, ada juga kes-kes yang telah timbul di mana telah dipersoalkan tentang keputusan-keputusan yang telah dibuat dan juga cara-cara hakim-hakim mengendalikan kes-kes mahkamah.

Di sini inginlah saya mencadangkan bahawa pihak kerajaan perlulah memastikan yang Kod Etika Kehakiman ini dapat dikuatkuasakan agar kes-kes yang dikendalikan oleh hakim-hakim mestilah diputuskan mengikut merit kes yang berkenaan. Kita tidak mahu ada kes-kes yang berat sebelah atau hakim-hakim yang

mempunyai ‘vested interest’, dengan izin, dalam satu-satu kes yang dikendalikannya.

Pernah ada di antara kalangan peguam-peguam dimana ianya didatangi oleh ‘corporate clients’, dengan izin, mereka mengatakan bila kes-kes mereka dibawa ke mahkamah, nyatakan ‘which judge and how much?’. Jadi, kita tidak mahu mendengar perkara-perkara ini di dalam sistem kehakiman kita. Juga satu lagi fakta yang perlu kita ambil kira ialah kita tidak mahu, dengan izin, ‘the litigant chasing judges’. Ini bermakna bahawa pihak yang membuat tuntutan mencari hakim-hakim yang dirasakannya boleh memberi keputusan-keputusan yang dia mahu, yang favourable, dengan izin, kepada dirinya.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat bahawa betapa pentingnya seorang hakim itu dapat berkelakuan tanpa dapat dipersoalkan akan kewibawaannya di dalam mahkamah dan kita mintalah pihak kerajaan dapat memastikan bahawa hakim-hakim ini akan dapat terus menjalankan tugasnya dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya ialah dari aspek pentadbiran sistem kehakiman itu sendiri. Kita sedia maklum bahawa dalam era pembangunan dimana tahap pertumbuhan ekonomi yang tinggi, pastinya juga segala aktiviti komersil juga bertambah. Jadi, dengan pertambahan aktiviti-aktiviti komersil ini juga bermakna bahawa kes-kes di mahkamah juga akan bertambah dan akan bertambah menjadi rumit. Ini tidak bermakna bahawa hakim-hakim tidak boleh menjalankan tugas mereka dengan baik dan ini juga tidak bermakna yang kita perlu

mengorbankan keadilan kerana adanya permasalahan-permasalahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu melihat kepada sistem pentadbiran mahkamah kita sekarang ini. Adakah sistem mahkamah atau kehakiman kita yang wujud kini bersedia menghadapi cabaran-cabaran perubahan-perubahan dalam bentuk kes-kes yang akan datang ke mahkamah atas sebab adanya perubahan-perubahan dalam aktiviti-aktiviti ekonomi di negara ini dan juga atas sebab ramainya lagi rakyat yang berpendidikan dan lebih berprihatinan untuk mengambil tindakan undang-undang di mahkamah. Ini bermakna akan bertambahlah kes-kes ke mahkamah dan ini juga bermakan beban kerja di mahkamah juga akan bertambah.

Jadi, soalnya adakah kita bersedia? Bukan setakat bersedia setahun, dua tetapi bersedia seterusnya dalam abad kita hendak melalui untuk mencapai Wawasan 2020. Kalau kita tidak membuat persediaan yang lengkap, kemungkinan nanti keadilan dan kesaksamaan yang sangat dituntut oleh rakyat akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah dapat lihat bahawa di mahkamah banyak kes-kes yang tertunggak. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menyatakan bagaimanakah statusnya sekarang ini kes-kes di mahkamah walaupun usaha-usaha telah dijalankan untuk mengurangkan tunggakan-tunggakan kes.

Saya mencadangkan untuk kita mengurangkan tunggakan kes-kes ini pihak mahkamah perlulah mewujudkan satu sistem untuk mengasingkan atau mengkategorikan kes-kes yang hanya perlu dibawa kepada peringkat pembicaraan

di mahkamah. Kemungkinan pihak mahkamah atau kehakiman mengambil kira atau mempertimbangkan kes-kes yang tidak perlu dibawa ke peringkat mahkamah atau perbicaraan, iaitu seperti kes-kes keluarga di mana ada tuntutan-tuntutan tentang nafkah (maintenance), hak penjagaan anak, kes-kes juvana dan sebagainya. Mungkin kes-kes ini tidak perlu menambahkan lagi beban kerja di mahkamah-mahkamah.

Begitu juga kes-kes komersil yang mungkin boleh difikirkan untuk dijadikan kes-kes yang dimandatorikan, dibawa kepada timbangtara atau arbitration, dengan izin, dan tidak dibawa kepada peringkat perbicaraan di mahkamah-mahkamah.

Yang keduanya, mahkamah perlu menimbangkan bahawa perlulah ada satu sistem pengurusan kes-kes yang dapat mengurangkan masalah pengurusan masa di mahkamah-mahkamah. Ini bermakna, mungkin pihak Pendaftar perlu mengambil kira bagaimana dia hendak mengasingkan kes-kes itu supaya mana kes-kes yang boleh dihadapkan di hadapan Pendaftar, maka kes-kes itu bolehlah dikemukakan kepada Pendaftar.

Contohnya telah ada pun tindakan seperti ini diambil dalam kes-kes bankrupsi. Tetapi walau bagaimanapun, kita perlu juga mengambil kira bahawa kalau kes-kes ini perlu ditapis di peringkat bawah, ini bermakna kita memerlukan kemahiran kakitangan mahkamah yang lebih tinggi, kita memerlukan mereka itu

lebih skilled. Jadi, mungkin kerajaan boleh mempertimbangkan memberi kursus-kursus atau menghantar untuk retraining courses, dengan izin, kepada kakitangan-kakitangan mahkamah untuk mereka dapat melaksanakan tugas-tugas mereka dengan lebih profesional.

Dan seterusnya untuk kita terus memastikan bahawa di peringkat mahkamah kelicinan pentadbiran kes-kes juga dapat dilaksanakan, adalah baik kalau mahkamah-mahkamah dapat menggunakan komputer dengan cara yang lebih luas. Kerana dengan adanya sistem komputer, mungkin kesilapan-kesilapan bagi filing, kertas-kertas atau dokumen-dokumen akan berkurangan dan juga kita dapat mengatasi masalah kekurangan kakitangan-kakitangan di dalam pejabat-pejabat atau jabatan-jabatan mahkamah. Kita tahu banyak kerani di mahkamah-mahkamah biasanya akan ditarik keluar oleh firma-firma peguam yang memberi gaji yang lebih tinggi. Ini juga adalah untuk kita mengelakkan masalah-masalah banyak dokumen di mahkamah yang tergendala. Kadangkala kita memfailkan dokumen-dokumen di mahkamah dan apabila kita dapat balik sudah setahun lamanya, maka perlu pula difailkan balik. Jadi, ini adalah masalah-masalah kita harap pihak kehakiman akan dapat melihat dan cuba membaiki keadaan agar kelicinan pentadbiran mahkamah akan meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpendapat dari segi fizikalnya, kita dapati banyak mahkamah sekarang ini ditempatkan contohnya di Kuala Lumpur, di beberapa tempat kita ada mahkamah di Denmark House, kita ada mahkamah di

Jalan Raja dan sebagainya. Pada hemat saya, kita perlulah memikirkan untuk mewujudkan satu kompleks kehakiman di satu tempat yang dipusatkan agar mahkamah-mahkamah itu tidak diwujudkan di merata tempat dan juga kita perlu melihat kepada bangunan mahkamah itu supaya ianya memberi security, memberi imej kehakiman yang lebih baik. Saya agak kurang senang hati melihat mahkamah-mahkamah di Denmark House misalannya, pada hemat saya dari segi security pun bangunan itu agak tidak dapat memberikan jaminan kepada bukan sahaja pekerja-pekerja tetapi juga dokumen-dokumen yang diletakkan di mahkamah-mahkamah di situ.

Juga saya ingin menyatakan rasa tidak senang saya melihat banduan-banduan yang digari yang didapati di tepi-tepi jalan. Contohnya, di mahkamah di Ampang Point. Jadi, pada hemat saya adalah agak kurang memberikan satu imej yang baik bagi pihak kehakiman di mana ada banduan-banduan dengan polis dan saudara-mara duduk di tepi-tepi jalan dan di tepi-tepi longkang untuk menunggu gilirannya untuk perbicaraan. Jadi, adalah wajar pihak kerajaan untuk memikirkan agar mahkamah-mahkamah ini tidak diletakkan di bangunan-bangunan yang sebegini dan mungkin dipertimbangkan kalau ada jabatan-jabatan kerajaan yang pindah ke tempat lain. Contohnya, mungkin di Jalan Duta. Kita tidak tahu apa polisi kerajaan masa ini tetapi adalah lebih baik kalau semua mahkamah diletakkan di satu tempat. Mungkin Mahkamah-mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan boleh diletakkan di tempat yang lain tetapi untuk memudahkan

pengguna-pengguna, bukan setakat peguam-peguam tetapi juga kepada pihak-pihak yang berkaitan dalam satu-satu perbicaraan, wajarlah kita meletakkan mahkamah itu di satu tempat.

Selain daripada itu juga, saya rasa ianya akan memberi security yang lebih baik kerana dokumen-dokumen yang terdapat di mahkamah adalah dokumen-dokumen yang penting. Kerana seperti yang saya katakan tadi, kalau kita tidak dapat menjalankan atau melaksanakan keadilan dengan sebaik mungkin, maka ini akan menimbulkan satu keresahan di kalangan rakyat jelata. Kerana kepada mahkamahlah satu-satunya daripada cabang pentadbiran negara yang mana pihak yang merasakan diri mereka ditekan akan mendapatkan bantuan dan pembelaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik salah satu daripada apa yang telah dikatakan. Ini adalah satu petikan dalam satu buku 'Man in Society'. Dia telah mengatakan, ini juga adalah saya ingat terpakai kepada kita kerana dalam keadaan sekarang ini perkembangan undang-undang yang begitu pesat, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:-

"The law must in order to cover a wide range of behaviour become extremely elaborate and legal institution must become very specialised".

Jadi, di sini dari segi pengkhususan (specialization) ini adalah sangat penting kita melihat kepada kehakiman atau sistem kehakiman ini dijaga dengan rapi dan dalam masalah ini saya berpendapat kita perlu mewujudkan kembali Kementerian Kehakiman untuk mengendalikan dan menguruskan urusan-urusan

sistem kehakiman negara kerana pada hemat saya adalah tidak wajar kalaulah Ketua Hakim Negara yang bertanggungjawab untuk menjaga hal ehwal mahkamah-mahkamah terutamanya mahkamah-mahkamah rendah, dan di mahkamah-mahkamah rendahlah yang banyak kes yang datang dan banyak menimbulkan berbagai-bagai masalah. Maka mungkin agak terjejas dari segi pengendalian, pengurusan sistem kehakiman negara ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong pindaan rang undang-undang yang telah dikemukakan dan saya berharap bahawa kebebasan kehakiman negara ini akan terus mendapat sanjungan dan seterusnya akan mendapat kredibiliti yang tinggi jika tidak di rantau ini, di seluruh dunia.

Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Dijemput Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menggulung perbahasan.

4.18 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali dan juga Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim yang telah pun bangun membahaskan, menyokong rang undang-undang ini dan juga telah membuat teguran memberi pandangan-pandangan yang saya kira amat bernas supaya boleh kita memperkemas kembali sistem kehakiman kita supaya ianya dapat dihormati oleh masyarakat dan merasakan bahawa diri mereka itu akan dapat diberikan keadilan yang saksama seperti yang patut mereka menaruh harapan apabila berada di dalam mahkamah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali

telah membangkitkan berkenaan dengan soal kenyataan yang dibuat oleh Ketua Hakim Negara sewaktu dia menerima hakim-hakim yang baru dilantik sebagai hakim-hakim. Sememangnya kita bersetuju bahawa soal hakim-hakim, mestilah mereka mempunyai kod etika dan seharusnya mereka mesti memastikan bahawa segala tindakan yang diambil oleh mereka dalam menjalankan tugas-tugas ini mestilah ianya mengambil kira berkenaan dengan kod etika yang telah ditentukan. Saya percaya kenyataan yang dibuat oleh Ketua Hakim Negara itu sudah tentu beliau mengambil kira kemungkinan adanya berlaku beberapa perkara yang telah berlaku yang mungkin tidak memuaskan hati beliau ataupun ianya merupakan satu ingatan yang diberikan kepada hakim-hakim yang baru dilantik sewaktu beliau menerima perlantikan hakim-hakim ini.

Berkenaan dengan soal hukuman yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali, di mana beliau telah menyatakan iaitu bahawa kadangkala hukuman ini dibangkitkan di atas budibicara dan kadangkala ianya merupakan satu perkara mandotari.

Ingin saya menyatakan di sini iaitu tiap-tiap hukuman yang telah diputuskan oleh tiap-tiap hakim itu ianya mempunyai kaedah-kaedah yang tertentu. Hakim tidak boleh membuat sesuatu di luar daripada keupayaan yang telah diberikan kepada mereka oleh undang-undang. Maka tidak berbangkit di mana dikatakan bahawa hukuman yang diberi itu kadangkala seolah-olah hendak menjadi ikutan yang telah didapati di negara-negara Barat. Sebenarnya memang hakim-hakim kita tidak berbuat demikian dan saya percaya mereka tidak

langsung mahu menjadikan Barat itu sebagai ikutan kepada segala hukuman yang telah diturunkan oleh mereka.

Segala hukuman yang diturunkan kesimpulannya ialah diambil daripada fakta yang ada di hadapannya, ia tidak boleh mengambil kira fakta-fakta yang luar daripada apa yang dibentangkan kepadanya dan tidak boleh mengambil satu keputusan yang luar daripada keupayaan yang telah diberikan oleh undang-undang kepadanya.

Apabila dibangkit berkenaan dengan soal kadangkala orang yang terlibat itu sudah mati dan apakah satu jumlah yang besar diberikan nanti, siapa yang enjoy duit ini? Itu bukan merupakan pertimbangan yang harus diambil kira oleh hakim di waktu dia mengambil keputusan kerana tidak berbangkit siapa yang enjoy, kerana bagi mereka yang telah meninggal dunia, wang akan diberi kepada estet. Orang yang berhak kepada estet itu adalah mereka yang kalau dalam Islamnya mengikut faraid dan bagi mereka bukan beragama Islam sudah tentu mesti mengambil kira berkenaan dengan 'will', dengan izin, yang telah disediakan oleh orang yang telah meninggal dunia itu. Maka bukan dalam pertimbangan hakim itu hendak menurunkan satu hukuman, jumlah dia mengambil kira berkenaan dengan siapa yang hendak enjoy selepas ini, yang hendak enjoy duit ini adakah mistress diakah, isteri barukah? Itu merupakan luar daripada pertimbangan hakim dalam soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting walaupun orang itu mati, tetapi orang

yang mati itu juga harus mendapat keadilan, sekurang-kurangnya kepada waris mereka, sebab keadilan itu harus diberikan kepada seseorang walaupun orang itu telah mati, tetapi kita harus ambil kira orang itu mati dan waris-warisnya tidak dapat bersama dengan orang yang mati itu. Maka itu merupakan satu kerugian yang harus kita ambil kira juga, dia mempunyai tanggungjawabnya, budak-budak yang masih muda, anak-anak yang masih muda dan lain-lain lagi.

Oleh kerana itulah saya ingin menyatakan di sini dan sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa hakim kita tidak menjadikan Barat itu sebagai ikutannya dan hakim tetap mengambil satu keputusan itu setelah mengambil kira kepada fakta yang ada di hadapannya dan tidak pertimbangan kepada perkara-perkara yang lain, yang tidak seharusnya diambil kira di waktu dia hendak menjatuhkan hukuman itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Kamalia binti Ibrahim, yang pertamanya beliau mengucapkan tahniah kepada saya kerana membentangkan Rang Undang-undang ini. Sewaktu saya membentangkan Rang Undang-undang ini di Dewan Rakyat, saya tidak dapat ucapan tahniah malah mendapat susah, tetapi dalam Dewan Negara saya ucapkan terima kasihlah kerana beliau mengucapkan tahniah kepada saya, khususnya kepada kerajaan kerana apa yang kita lakukan ini ialah untuk memperkemaskinikan sistem hirarki mahkamah kehakiman kita.

Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim juga telah membangkitkan

berkenaan dengan soal betapa perlunya kehakiman ini mesti dipertahankan kebebasannya. Saya amat bersetuju dalam perkara ini kerana kita tahu iaitu bahawa ‘The Rule of Separation of Powers’ mahukan supaya pihak Kehakiman, pihak Eksekutif dan Legislative itu merupakan independent dan tidak ada satu pihak yang mempengaruhi pihak yang lain. Maka kerana itu saya bersetuju dengan pernyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Puan Kamalia binti Ibrahim yang mahukan supaya kebebasan kehakiman itu hendaklah dipertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim juga telah membangkitkan soal berkenaan dengan kredibiliti hakim-hakim. Saya memang bersetuju seratus peratus dengan apa yang dibangkitkan oleh beliau, kerana tiap-tiap litigant yang masuk dalam mahkamah harus mempunyai satu pandangan dan perasaan iaitu bahawa dia akan diberikan satu keadilan apabila dia berhadapan dengan hakim-hakim ini.

Agak malang kalau dalam negara kita ini sudah berlaku di mana seorang litigant datang ke mahkamah, buka sahaja pintu mahkamah dan melihat kepada hakim, dia sudah nampak bahawa dia tidak akan mendapat keadilan. Saya percaya perkara ini tidak berlaku dalam negara kita dan sebab itu kredibiliti yang perlu dipertahankan ini memang kerajaan memberi sokongan dan sebab itu juga di antara kaedah perlantikan kita, bagi mereka yang datang dari pengamal undang-undang, daripada Bar Council, dengan izin, maka cara perlantikan kita ialah untuk

melantikkan mereka ini sebagai JC dahulu. Apabila menjadi JC, mereka tidak diconfirmkan, kalau tidak silap saya satu masa hendaklah berlalu, mungkin dua tahun kalau tidak silap saya, kemudian baru kita confirmkan dia sebagai seorang hakim kerana kita perlu memastikan supaya seseorang itu benar-benar mempunyai kredibiliti sebelum kita melantiknya. Kadangkala kita lantik seseorang itu pada zahirnya kita lihat bahawa ia memang baik dan bagus, tetapi setelah satu atau dua tahun maka akan timbullah cerita-cerita yang mungkin, yang sebelum ini kita tidak sedar. Oleh sebab itu sistem melantik JC ini adalah baik, kerana kalau sesiapa yang dilantik sebagai JC dan kemudian selepas itu ada cerita-cerita yang dibangkitkan, yang boleh menjejaskan kredibilitinya, maka kerajaan mempunyai ruang untuk memberhentikan perlantikan beliau sebagai JC.

Saya sememangnya bersetuju dengan apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Kamalia binti Ibrahim berkenaan betapa perlunya kita mempertahankan kredibiliti hakim-hakim ini supaya khalayak ramai akan merasakan bahawa mereka akan mendapat keadilan apabila mereka tampil ke hadapan untuk diadili oleh hakim-hakim kita ini.

Berkenaan kes yang diragui, yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator sebentar tadi, saya bagi pihak kerajaan tidak boleh menyatakan di sini bahawa kita akan pastikan supaya pihak kehakiman (judiciary) ini akan memastikan supaya kredibiliti mereka ini dapat dipertahankan, kerana sepertimana Yang Berhormat tahu kita ini separation of powers, kita daripada pihak Executive

dan pada hari ini ada Legislative, kita tidak boleh paksa mereka kerana kita masing-masing bebas di antara satu sama lain. Apa yang kita boleh lakukan ialah kita boleh merayu kepada mereka, pihak kehakiman memastikan supaya kredibiliti diri mereka dapat dipertahankan supaya orang tidak akan hilang kepercayaan kepada mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat juga ada bangkit berkenaan soal persiapan dan kesediaan kita untuk menghadapi aktiviti komersil yang akan sudah tentu berkembang selepas ini. Saya memang bersetujulah dengan beliau iaitu bahawa kehakiman ini merupakan satu perkara yang penting. Kita sebenarnya tidak ada pilihan melainkan, dengan izin, we must ensure that we have to keep abreast of the progress made in the commercial activities, kerana ini sudah tentu akhirnya kalau sekiranya ada pertikaian dan pertelingkahan, maka kepada Mahkamah Kehakimanlah orang ramai mahu mendapat pengadilan. Sebab itu, kita mesti bersedia dan tidak ada pilihan untuk, apa yang dikatakan harus berkembang bersama dengan aktiviti komersil yang kian berkembang daripada tahun ketahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kes tertunggak yang dibangkit oleh Yang Berhormat sebentar tadi, saya ingin menyatakan iaitu bahawa sememangnya ini merupakan satu masalah kepada kita. Kita sedang berikhtiar dan berusaha untuk mengatasi masalah ini dengan memperbanyakkan lagi bangunan mahkamah dan juga dengan memperbanyakkan lagi hakim-hakim kita, tetapi Yang Berhormat

sedia maklum iaitu bahawa pada hari ini kita lihat tidak begitu ramai di kalangan kita yang telah lulus dalam bidang undang-undang ini yang berminat untuk menyertai perkhidmatan kehakiman ini yang sehingga sebab akhir-akhirnya terpaksa kita melantik JCs bagi kita memastikan supaya jumlah hakim itu dapat diperbanyakkan seimbang dengan kerja yang tertunggak pada hari ini.

Ini kita akan berusaha seberapa yang boleh untuk memastikan supaya kes tertunggak ini dapat dipercepatkan kerana sepertimana yang disebut dalam maxim undang-undang, judgement delay is judgement denied. Saya diperingatkan oleh Ketua Pembangkang waktu saya membentangkan Rang Undang-undang ini, itu memang betul tetapi dalam masa yang sama kadangkala tertunggaknya kes ini disabitkan oleh pengamal itu sendiri. Kadangkala dia banyak kes, dia popular, kalau kes murder, kes rompak, semua orang cari dia dan dia terima semua. Dan apabila dia terima kadangkala dia bertindih kes, dia postpone, ini juga sebahagian besar daripada tertunggaknya kes ini disabitkan oleh kerana permintaan penundaan yang dibuat oleh peguam-peguam kerana mempunyai kes yang bertindih.

Jadi, oleh kerana itu dalam tertunggaknya kes ini ada juga sumbangannya iaitu disabitkan oleh kerana pengamal itu sendiri yang telah menunda kes ini, tetapi daripada segi kita, pihak kerajaan kita akan memastikan supaya apa juga yang boleh dilakukan untuk memastikan supaya kes ini tidak tertunggak sudah tentu akan diambil perhatian oleh kerajaan.

Yang Berhormat ada memberi cadangan yang saya kira satu cadangan yang

harus difikirkan oleh kita dan dipertimbangkan. Saya kira bagi pihak kerajaan, apa juga cadangan yang dibuat, yang praktikal, yang boleh diambil kira sudah tentu akan diterima baik oleh kerajaan untuk memastikan semua masalah yang dihadapi oleh kita itu dapat kita atasi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat juga menyebut apakah mungkin kita mempertingkatkan juga mutu kakitangan kita dalam mahkamah ini, sukacita saya maklumkan iaitu kita mempunyai skim training, retraining dan lain-lain dalam Ilkab iaitu satu Pusat Latihan bagi kakitangan mahkamah kita di mana menerusi institut latihan ini kita memberikan latihan kepada kakitangan kita supaya mereka akand meningkatkan mutu yang ada pada mereka supaya sesuai dengan kehendak kita untuk melihat sistem kehakiman kita ini licin, efisien dan berjaya sekarang dan juga di masa-masa akan datang.

Berkenaan dengan komputer, sukacita saya mengatakan itu sememangnya kita mempunyai program untuk mengkomputerisasikan mahkamah kita, malah untuk pengetahuan Yang Berhormat baru-baru ini Ketua Hakim Negara dan beberapa Hakim Tinggi kita telah melawat negara Singapura dan telah balik melapor kepada kami di kementerian iaitu bahawa mereka sangat kagum dengan cara itu dan kita sekarang sedang memikirkan cara mana kita boleh membantu mahkamah kita untuk mencapai tahap yang kita lihat di negara Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ada membangkit berkenaan dengan kedudukan fizikal mahkamah itu iaitu berkenaan dengan lokasi dan penempatan

mahkamah di Wisma Denmark dan di Ampang Point. Penempatan mahkamah-mahkamah di ruang yang disewa adalah langkah sementara sahaja akibat daripada perkembangan Badan Kehakiman baru-baru ini. Mahkamah Tinggi Civil Kuala Lumpur di Wisma Denmark akan ditempatkan semula di Bangunan Sultan Abdul Samad, Jalan Raja sebaik sahaja Mahkamah-mahkamah Persekutuan dan Rayuan dipindah ke Putrajaya menjelang tahun 1998. JPM juga sedang mengenal pasti satu tapak yang sesuai untuk membina satu mahkamah baru Ampang seperti yang dibangkit oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Untuk memperkukuhkan hujah saya berkenaan dengan komputer tadi, pada ketika ini semua mahkamah di negara ini dibekalkan dengan komputer. Tender telah pun dipanggil untuk memperkenalkan sistem berasaskan komputer bagi pengurusan kes dan pengurusan maklumat undang-undang yang lain. Tender ini akan ditutup pada 31hb. Januari 1996 dan sistem pengkomputeran ini akan dilaksanakan secara penswastaan.

Jadi, saya mengucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat kerana memang bertepatan di atas keprihatinan beliau berkenaan dengan kedudukan fizikal mahkamah dan juga komputerisasi di dalam mahkamah iaitu sendiri.

Bagi yang terakhir, Yang Berhormat ada bangkit berkenaan dengan perlunya kita mewujudkan semula Kementerian Kehakiman itu. Saya ingin nyatakan di sini iaitu bahawa apabila Kementerian Kehakiman itu diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri, ianya tidak langsung membangkit soal sama ada memperkecilkan

kakitangan ataupun jabatan itu ataupun melibat kekurangan kakitangan dalam jabatan itu. Sebenarnya daripada segi peruntukan kewangan, langsung tidak timbul, ataupun daripada segi kuasa langsung tidak berbangkit, kerana kita merasakan iaitu bahawa kalau diletakkan Kementerian Kehakiman itu di bawah Jabatan Perdana Menteri, maka ini menunjukkan iaitu bahawa betapa pentingnya kehakiman itu kepada kita sehingga Menteri yang bertanggungjawab itu merupakan Perdana Menteri Malaysia kita. Bermakna, apa-apa juga masalah yang berbangkit ianya tidak akan dihalakan kepada seorang Menteri daripada beberapa Menteri, tetapi ianya akan dibangkit terus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Saya beri jaminan di sini iaitu bahawa dengan tidak menjadi kementerian, maka kehakiman itu tidak diperkecilkan dia punya kepentingan di dalam pentadbiran negara kita pada hari ini.

Itulah sahaja jawapan saya kepada perkara yang dibangkitkan oleh kedua-dua Yang Berhormat dan sekali lagilah saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Ibrahim Ali dan Yang Berhormat Puan Kamalia Ibrahim yang telah membangkit perkara-perkara yang penting dan kalau sekiranya ada yang tidak saya jawab, insya-Allah nanti bangkitkan dengan saya dan saya akan berikan jawapan bertulis kepada kedua-dua Yang Berhormat.

Tuan Ding Seling: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

[Prosiding di peringkat Jawatankuasa di"expunged" dari *Hansard*]

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1995) (NO. 2) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua

4.40 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama satu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1995 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk Maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM160,640,568.00 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1995 seperti ditunjukkan di dalam Jadual kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1995 adalah berjumlah RM761,480,148.00. Daripada jumlah ini, sebanyak RM160,640,568.00 diminta diluluskan di bawah Fasal 2, Rang Undang-undang

ini, manakala bakinya sebanyak RM600,839,580.00 adalah perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu. Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2, Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut. Sebanyak RM65.4 juta di bawah Maksud B.7, Jabatan Perdana Menteri untuk membiayai perbelanjaan mengurus Bahagian Hal Ehwal Undang-undang yang diwujudkan di bawah Jabatan Perdana Menteri berikutan daripada keputusan kerajaan untuk memusnahkan Kementerian Undang-undang.

Sebanyak RM19.9 juta di bawah Maksud B.50, Kementerian Pembangunan Usahawan untuk perbelanjaan berikut. Sebanyak RM10 juta untuk menjelaskan bayaran terakhir kepada ZEMH Corporations Sdn. Bhd. Bagi penamatan kontrak pembinaan Restoran Melayu. Sebanyak RM9.9 juta untuk perbelanjaan mengurus beberapa unit dan agensi yang telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ke Kementerian Pembangunan Usahawan.

Sebanyak RM17.6 juta di bawah Maksud B.46 Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk menampung perbelanjaan berikut. Sebanyak RM12.4 juta sebagai pemberian kerajaan kepada 'endowment fund' bagi Akademi Sains Malaysia yang telah ditubuhkan berikutan penguatkuasaan Akta Akademi Sains 1994 mulai 1hb. Februari, 1995.

Sebanyak RM5.2 juta untuk membiayai perbelanjaan mengurus Bahagian Kajian Sains Angkasa yang telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri

ke Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Sebanyak RM12.8 juta di bawah Maksud B.12, B.26, Kementerian Pendidikan bagi menampung perbelanjaan mengurus Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk bayaran emolumen sewaan bangunan pentadbiran di Gaya Centre dan kampus sementara di Kolej Komuniti di Yayasan Sabah. Kos menyediakan kemudahan pelajaran dan perbelanjaan permulaan sesi 1995, 1996, pembelian kenderaan dan kemudahan Skim Pinjaman Kenderaan dan Komputer.

Sebanyak RM11.6 juta di bawah Maksud B.28, Perbendaharaan untuk membiayai bayaran faedah ke atas pinjaman Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. Sebanyak RM11.4 juta di bawah Maksud B.51, Kementerian Luar Negeri untuk membiayai sumbangan-sumbangan Kerajaan Malaysia kepada badan-badan antarabangsa di luar negeri.

Sebanyak RM7.5 juta di bawah Maksud B.1, Parlimen untuk membiayai kerja-kerja meningkatkan kemudahan-kemudahan dalam Bangunan Parlimen bagi persiapan Persidangan Majlis Raja-raja dan majlis rasmi kerajaan. Bayaran elaun bagi 12 Ahli Dewan Rakyat yang baru dan penggantian lif di Blok Menara, Parlimen.

Sebanyak RM6.7 juta di bawah Maksud B.18, Kementerian Perusahaan Utama untuk membiayai bayaran Skim Penstabilan Harga Minyak Masak di Pasaran Tempatan. Sebanyak RM3.7 juta di bawah Maksud B.35, Kementerian Dalam Negeri untuk menampung perbelanjaan mengurus Pasukan Petugas Anti

Dadah yang telah dipindahkan dari Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Dalam Negeri.

Sebanyak RM3 juta di bawah Maksud B.42, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sebagai pemberian kepada Persatuan Orang Buta Malaysia bagi pembinaan semula Pusat Latihan Gurney. Sebanyak RM0.9 juta di bawah Maksud B.54, Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk membiayai perbelanjaan mengurus Bahagian Pembasmian Kemiskinan dan Pembangunan Rakyat Termiskin yang telah dipindahkan dari Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1995 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19/95 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19A/95.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Chong Kah Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Ding Seling: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1995 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Datuk Hashim bin Safin.

4.49 ptg.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas

kesempatan diberi untuk saya berbahas sedikit sahaja pembentangan Rang Undang-undang Tambahan pada kali ini. Tuan Yang di-Pertua, memang dari segi perbelanjaan, kita perlu membuat, menambahkan seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri sekejap tadi. Cuma saya rasa kesempatan ini, apa kata kalau saya cadangkan kepada kerajaan berhubung di bawah peruntukan mana-mana ataupun Kepala 'B' mana-mana, tetapi saya fikir lebih sesuai di bawah Maksud P.7, Jabatan Perdana Menteri untuk peruntukan kepada Senator. Kerana sebagaimana yang kita ketahui, kita juga Ahli Parlimen sedangkan Wakil Rakyat dari Dewan Rakyat mempunyai peruntukan masing-masing sejumlah RM300,000 untuk setahun, sedangkan Senator juga peranan, tugas, kadang-kadang hubungan juga lebih kurang sama ataupun lebih bagi sesetengah Senator dengan rakyat di peringkat bawah.

Walaupun Senator ini mewakili sama ada badan-badan politik mahu pun mewakili badan-badan tertentu, masing-masing mempunyai hubungan dengan golongan yang secara langsung atau tidak langsung bersama di dalam usaha membangun negara ini.

Kalaulah peruntukan tambahan yang begitu besar sentiasa berlaku, saya rasa elok ataupun saya suka mencadangkan kepada Senator-Senator ini diperuntukkan sejumlah peruntukan demi hubungan untuk memastikan hubungan Senator dengan golongan yang mereka wakili itu adalah sentiasa baik ataupun lebih baik.

Saya yakin kesemua Senator boleh menyokong termasuk Tuan Yang di-

Pertua sendiri, sama ada yang keluar ataupun yang tidak ada di Dewan ini, kerana ini adalah untuk memperkukuhkan hubungan mereka dengan golongan yang mereka wakili. Kalau boleh, saya cadangkan separuh daripada peruntukan daripada Ahli Dewan Rakyat iaitu daripada RM300,000, kepada Senator diperuntukkan RM150,000 setahun untuk mereka membelanja peruntukan dari segi peruntukan kecil dan sebagainya kepada golongan yang mereka wakili.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja saya mengambil kesempatan untuk membuat cadangan ini kepada kerajaan, semoga cadangan ini diberi perhatian dan kalau boleh diperuntukkan pada tahun 1996 ini. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah binti Husin.

4.54 ptg.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun untuk menyokong Akta Perbekalan Tambahan (No.2) 1995 berjumlah RM160,640,568 yang dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, sebagai sebuah negara yang sedang membangun sekarang ini, memanglah kita tidak dapat mengelakkan daripada mengeluarkan peruntukan-peruntukan tertentu untuk menentukan supaya pembangunan yang sedang kita rasai dan pembangunan yang dibawa oleh kerajaan ini dapat dijalankan dan dapat diteruskan dengan sewajarnya.

Usaha mengurus dan mentadbir negara tentulah memerlukan peruntukan kewangan yang mencukupi supaya perlaksanaannya tidak terjejas. Saya

berpendapat, adalah mustahil bagi kementerian dan juga jabatan-jabatan dapat bergerak atau bertindak melaksanakan program-program tanpa peruntukan yang cukup.

Saya percaya kepada prinsip belanjalah dengan bijaksana, berilah peruntukan yang memadai tetapi pengeluarannya ataupun dengan izin, product, hendak setimpal dengan kos yang telah pun digunakan bagi sesuatu program ataupun projek yang dijalankan.

Kementerian ataupun jabatan tidak akan dapat melaksanakan dengan baik program-program mereka, jika peruntukan yang kita beri ibarat kain secebis, tutup dada peha terdedah, tutup peha perut terdedah. Ini sebagaimana contoh yang dapat saya berikan, dari segi kita meneliti ataupun memberi pandangan mengenai peruntukan ini sebagaimana pengalaman-pengalaman kita memberi peruntukan kepada mereka yang menjalankan aktiviti-aktiviti ataupun program-program PPRT di kampung-kampung.

Ada agensi ataupun jabatan yang memberikan peruntukan ayam telur kepada mereka yang tergulung dalam golongan PPRT untuk memberi peluang bagi mereka memperbaiki taraf hidup mereka, sedangkan peruntukan yang diberi cuma ayam telur dan reban sahaja, makanan tidak diberi, akhirnya ayam-ayam yang dipelihara ini tidak dapat mencapai matlamat di mana telur tidak dapat dihasilkan dan ayam-ayam ini terpaksa dijual sebelum ada produk ataupun ada pengeluaran yang dapat diberikan. Itulah sebagaimana yang saya sebutkan tadi, saya

berpendapat bahawa untuk kita mencapai matlamat, kita perlu memberikan peruntukan yang mencukupi tetapi kita harus memastikan supaya hasil daripada peruntukan yang diberi itu benar-benar dapat dilaksanakan dan dapat memberi manfaat kepada rakyat. Saya yakin kewibawaan Kerajaan Barisan Nasional dalam kesungguhan kerajaan untuk membangunkan negara dan juga rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Maksud Bekalan B.1 - Parlimen, telah pun disebutkan tadi oleh pihak kerajaan bahawa peruntukan yang dipohon sebanyak RM7,500,000 adalah untuk persiapan pejabat dan juga untuk memperbaiki keadaan di Parlimen.

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan yang begitu memberi perhatian kepada Parlimen di negara kita. Saya telah berpeluang melawat Parlimen di Islamabad, Pakistan dan juga Parlimen di South Africa baru-baru ini. Kita dapati bahawa keadaan Parlimen di negara-negara ini, walaupun keadaan ekonomi mereka, keadaan kehidupan rakyat mereka tidaklah maju sebagaimana negara kita, tetapi Parlimen mereka begitu cantik dan indah. Parlimen mereka dihiasi dengan batu-batu marble dan sebagainya.

Parlimen kita telah pun diwujudkan sekian lamanya, saya berpendapat, walaupun bangunan ini masih cantik tetapi perlu diberi peruntukan yang mencukupi supaya keadaan Parlimen dapat dijaga dengan sewajarnya. Kalau kita lihat Parlimen negara kita, lif Parlimen ini sendiri tidak sebaik mana, sebagaimana kalau hendak dibandingkan dengan jabatan-jabatan ataupun jabatan-jabatan pihak swasta yang ada di negara kita. Begitu juga dengan bilik-bilik air dan juga tandas

yang saya rasa perlu diberi perhatian sewajarnya untuk menjaga imej negara dan juga imej kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Maksud Bekalan B.7 - Jabatan Perdana Menteri. Walaupun tadi disebutkan bahawa peruntukan yang diberi adalah peruntukan untuk Bahagian Undang-undang, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, saya dan juga empat orang rakan daripada Ahli Dewan Negara telah diberi peluang untuk mengikuti rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke South Africa.

Saya ingin menyentuh peruntukan Jabatan Perdana Menteri ini berkaitan dengan promosi-promosi yang dibuat oleh kerajaan ke luar negeri. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Perdana Menteri yang telah memberi peluang kepada kami untuk mengikuti rombongan dagang kerajaan ke luar negeri.

Saya berpendapat bahawa peruntukan-peruntukan yang diberi oleh pihak kerajaan kepada Jabatan Perdana Menteri dalam usaha-usaha mempromosikan negara ke luar negeri amatlah membanggakan. Oleh kerana, usaha-usaha yang dijalankan ini telah dapat meningkatkan imej negara kita di mata dunia. Di dalam lawatan yang kami ikuti ke South Africa dalam bulan Ogos yang lalu, saya amat kagum dengan kemampuan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri dalam mengikuti program-program yang disusun begitu ketat dan di dalam usaha-usaha untuk mempromosikan negara dan juga sambutan dari pihak luar negara kepada kita daripada Malaysia, amat mengkagumkan.

Oleh itu, saya berpendapat peruntukan-peruntukan untuk Jabatan Perdana Menteri dalam usaha-usaha untuk mempromosikan negara Malaysia ke luar negara, haruslah diberi sewajarnya supaya kedudukan Malaysia yang memang tinggi di mata dunia ini dapat kita kekalkan. Dan juga Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun bukan sahaja kita ingin membangunkan ekonomi di dalam negara kita, tetapi hasrat negara untuk memperluaskan perniagaan kita ke luar negara harus diberi sokongan.

Daripada lawatan yang kami ikuti, adalah didapati bahawa penghormatan yang begitu tinggi bukan sahaja diberikan kepada pemimpin negara kita, tetapi kepada usahawan-usahawan di negara kita.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah diberi peluang untuk memberi ucapan di Parlimen South Africa sebagaimana yang saya sebutkan tadi, semasa kami pergi ke Parlimen di South Africa kami diberi peluang untuk melihat Parlimen di sana. Ucapan beliau amat dikagumi oleh Ahli-ahli Parlimen di luar negara. Semasa lawatan di luar negara juga kita telah pun melihat satu perkara yang mungkin dapat diambil iktibar oleh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan dalam negara kita di mana pembangunan yang dibuat di suatu tempat yang bernama Sun City ataupun The Law City - pembangunan yang dibuat di tempat berkenaan ialah pembangunan yang saya ibaratkan sebagai back to the nature, kembali kepada keadaan alam semula jadi, di mana bandar dan pusat pelancongan dibina di dalam hutan dengan tidak merosakkan keadaan alam sekitar malah ditokok tambah lagi supaya keadaan dan environment bandar yang disebutkan sebagai Sun City, bandar yang menjadi tempat yang telah pun dilawati oleh seluruh pelancong-pelancong dari negara-negara luar ke Afrika iaitu tempat yang agaknya cuaca tidak sepertimana di Malaysia tetapi amat menarik di mana mereka mengekalkan alam semula jadi.

Inilah yang kita agak kesalkan di negara kita, apabila kita membuat pembangunan kita tebang habis pokok-pokok, sungai-sungai kadang-kadang kita

tidak ambil perhatian dan kita tidak jaga. Lake kita di sini ataupun keadaan alam semula jadi tidak kita jaga dengan sewajarnya, pada hal apabila kita melihat Sun City di Afrika kita dapati mereka telah menggunakan alam semula jadi di mana keindahan alam diubah suai dengan pembangunan sebagaimana kemudahan-kemudahan yang ada di bandar-bandar yang maju mereka bawa ke dalam hutan telah pun menarik orang-orang luar dan juga orang-orang tempatan untuk hadir ke sana.

Saya berpendapat bahawa dalam negara kita, jika kita ingin mengadakan pembangunan-pembangunan di masa yang akan datang, mungkin konsep-konsep ini dapat dilaksanakan, kerana apabila pulang ke negara kita barulah saya dapat menghayati bahawa negara kita sendiri mempunyai keadaan alam yang indah. Kita mempunyai environment yang begitu cantik yang selama ini mungkin kita kurang memberi penghayatan kepada environment yang sedia ada. Mereka berbangga dengan Table Mountain, sedangkan kita ada berbagai-bagai banjaran. Banyak banjaran yang terdapat di negara kita yang boleh kita eksploitasikan, tetapi selama ini mungkin dalam pemikiran kita, apabila kita mengatakan pembangunan bererti kita harus ubah struktur keadaan sebagaimana yang kita nampak di New York ataupun tempat-tempat yang maju di Amerika.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh B.26 - Kementerian Pendidikan. Saya berterima kasih kerana tadi telah pun disebutkan bahawa Kementerian Pendidikan akan memberi perhatian kepada penggunaan komputer

ataupun membekalkan komputer-komputer ke sekolah-sekolah. Kita tahu bahawa sekarang ini pembangunan ataupun perubahan teknologi begitu cepat. Penggunaan komputer di negara kita bermula dari tahun 1970-an lagi dan perubahan dalam komputer ini begitu pesat sehinggakan komputer-komputer yang mungkin dibekalkan pada tahun 1970-an yang lalu tidak lagi dapat digunakan di sekolah-sekolah pada masa ini dan tidak relevan dengan software atau perisian-perisian yang ada pada masa ini. Jadi, saya berterima kasih kepada Kementerian Pendidikan dan berharap supaya Kementerian Pendidikan dapat menjalankan kajian di mana komputer-komputer yang telah dibekalkan ke sekolah-sekolah terutamanya di sekolah-sekolah luar bandar yang mana komputer-komputer ini sudah tidak sesuai lagi dengan keadaan pada masa ini.

Jika perkara ini kita abaikan kita bimbang pelajar-pelajar yang disebut oleh Setiausaha Parlimen Kementerian sebentar tadi bahawa masa depan negara kita terletak kepada generasi ataupun anak-anak sekolah yang kita bina pada hari ini dan kita tahu bahawa pembangunan pada masa akan datang akan lebih mencabar lagi daripada masa kini. Keperluan dan juga pengetahuan komputer amat penting kepada anak-anak sekolah. Bagi mereka yang berada di luar bandar ibu bapa dan juga keluarga mungkin tidak berkemampuan untuk menyediakan komputer kepada anak-anak, oleh yang demikian saya berpendapat dalam tanggungjawab ini Kementerian Pendidikan haruslah memberi perhatian yang sewajarnya.

Ada juga pandangan-pandangan daripada anak-anak sekolah bahawa

internet ini juga perlu sekarang ini di bawa ke sekolah-sekolah dan sudah tentulah saya bersetuju dengan pihak-pihak yang memberi pendapat bahawa jaringan-jaringan perlu dibuat kerana kita tahu bahawa internet ini ada unsur yang baik dan ada juga membawa unsur-unsur yang tidak baik. Tetapi jika sekiranya pelajar-pelajar kita ataupun rakyat Malaysia ketinggalan dalam bidang teknologi, kita tidak akan dapat mengharungi cabaran masa dan kita tidak akan dapat berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju. Jadi, saya berpendapat bahawa peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Pendidikan dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi bekalan-bekalan, terutamanya bekalan-bekalan komputer ke sekolah-sekolah ini amat disanjung tinggi.

Butiran B.35 - Kementerian Dalam Negeri. Peruntukan yang dipohon adalah untuk anti-dadah. Dadah adalah merupakan musuh negara. Kalau pada masa silam kita berhadapan dengan komunis, Alhamdulillah, negara kita sekarang ini telah bebas dan saya rasa hampir tidak lagi kita menghadapi masalah cengkaman komunis, tetapi penduduk di negara kita yang di dalam umur yang produktif 18 - 40 tahun, mengikut rekod yang saya ada, mungkin saya silap, saya harap pihak kementerian boleh betulkan, lebih kurang 168,000 ataupun hampir 200,000 yang terlibat dengan penagihan dadah. Ini yang ada dalam rekod tetapi yang tidak ada dalam rekod masih banyak lagi, yang kita tidak tahu berapakah angka sebenarnya.

Dalam soal dadah ini adalah perkara yang amat sulit dan sukar untuk kita mengatasinya. Saya memang berdampingan dengan pegawai-pegawai yang terlibat dalam usaha-usaha untuk mengatasi dan juga memulihkan mereka yang terlibat dengan penagihan dadah ini. Kerja-kerja yang mereka jalankan amat sukar kerana kita dapati setelah dimasukkan ke Pusat Serenti dan apabila mereka

dikeluarkan daripada Pusat Serenti kita dapati cuma sebahagian kecil iaitu dalam lingkungan 30% atau 40% yang pulih, yang lain berulang kembali untuk terlibat dengan penagihan dadah.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Dalam Negeri yang telah pun menjalankan satu operasi secara besar-besaran baru ini iaitu “Operasi Zombies” yang mana telah pun menangkap penagih-penagih dadah yang berkeliaran di Kuala Lumpur dan juga di bandar-bandar besar yang lain di negara kita. Sebenarnya keadaan ini amat memalukan kita dan kegiatan-kegiatan mereka ini telah pun memberikan imej yang buruk kepada negara. Walaupun operasi ini telah dijalankan, tetapi saya percaya masih ramai lagi mereka yang terlibat dengan gejala dadah ini masih lagi berada ataupun masih lagi menjalankan kegiatan-kegiatan dan aktiviti-aktiviti mereka sama ada di bandar atau pun di outskirts bandar, dengan izin, dan juga mereka bersembunyi di tempat-tempat yang tertentu. Kita berharap supaya usaha-usaha dalam memerangi dadah ini dan usaha-usaha untuk menempatkan mereka yang terlibat ini supaya dibawa ke Pusat-pusat Pemulihan dapat dilaksanakan.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh di sini, apabila Operasi Zombies dijalankan, saya di Perlis sebagai Timbalan Pengerusi Pusat Serenti Bukit Chabang. Pengerusinya ialah Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Menteri Besar. Jadi, sekarang ini saya terpaksa mengambil alih sepenuhnya tugas di pusat serenti.

Apabila Operasi Zombies dijalankan, mereka yang terlibat ini sebenarnya amat dahsyat kalau hendak diceritakan keadaan dan juga fizikal mereka. Badan penuh dengan kudis, keadaan fizikal yang amat daif. Kita terpaksa bawa mereka masuk ke dalam laut dua, tiga kali. Bawa masuk ke dalam laut untuk memulihkan

fizikal mereka dan kita dapati hampir berpuluh orang daripada mereka yang ditangkap daripada operasi ini terlibat dengan kes HIV. Sekarang ini pusat serenti yang ada di negara kita tidak ada satu pengkelasan ataupun tidak ada pusat serenti khas di mana kita meletakkan pelatih-pelatih yang telah pun terlibat dengan HIV.

Saya sebenarnya merasa bimbang apabila pelatih-pelatih yang ada di satu-satu pusat serenti yang hampir 300, 400 bilangannya ini bercampur dengan pelatih-pelatih yang terlibat dengan kes HIV. Oleh yang demikian, kita berharap kepada Kementerian Dalam Negeri membuat kajian supaya pelatih-pelatih yang terlibat dengan HIV ini, saya berpendapat perlu diasingkan. Apabila kita bercakap soal dadah, kita tidak boleh lari daripada HIV kerana kalau mengikut kajian dan juga penulisan-penulisan yang dibuat mengenai HIV, kita dapati bahawa mereka yang terlibat dengan HIV ini sebahagian besarnya, peratusan yang besar terdiri dari penagih-penagih dadah.

Dalam soal ini juga, Tuan Yang di-Pertua, ada satu peraturan yang diamalkan ataupun dilaksanakan di negara kita yang saya dapat maklumat daripada pengamal-pengamal perubatan yang merawat mereka yang terlibat dengan HIV di mana apabila pengamal-pengamal perubatan atau doktor-doktor ini dapat maklumat bahawa seseorang itu terlibat dengan HIV, peraturan yang ada di negara kita menyekat pengamal perubatan ini memberi tahu kepada mana-mana orang bahawa orang yang diberi rawatan tersebut terlibat dengan HIV kerana kononnya jika diberi tahu pada orang lain, ada peraturan yang boleh diambil tindakan

terhadap mereka kerana berkaitan dengan human rights.

Saya ingin meminta pihak kementerian menjalankan kajian. Dalam keadaan negara kita berhadapan dengan masalah dadah yang begini besar dan juga peningkatan penyakit AIDS dan HIV di negara kita ini, adakah masih lagi kita berpendapat bahawa mereka yang terlibat harus dilindungi kerana saya bimbang, bagi mereka yang terlibat ini, kita mengharapkan keikhlasan mereka untuk memberitahu isteri mereka ataupun suami mereka. Tetapi jaranglah suami kerana kebanyakan lelaki yang terlibat, memberitahu isteri mereka ataupun memberitahu keluarga mereka yang mereka terlibat dengan HIV.

Jika mereka yang terlibat ini tidak mahu ataupun mempunyai ego yang begitu tinggi, tidak mahu memaklumkan kepada sesiapa yang ia terlibat maknanya ia akan dapat melepaskan diri, dan keluarga ataupun isteri tidak akan dapat tahu bahawa seorang itu terlibat dengan HIV. Baru-baru ini saya membaca surat khabar bahawa di Kaherah, Egypt telah pun ada fatwa mengatakan bahawa isteri boleh minta cerai pada suami kalau suami terlibat dengan HIV. Jadi, kita tidak tahu di negara kita, fatwa ini belum lagi disebut. Ini saya baca dari fatwa yang dikeluarkan oleh negara Egypt.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan dadah ini juga, sebenarnya terlalu berat perkara ini hendak saya katakan tetapi saya merasakan inilah Dewan yang paling mulia dan perkara ini harus kita bincangkan bersama kerana ia adalah masalah kita bersama. Semasa Perhimpunan PEMADAM di Melaka, saya telah

pernah memberi pandangan meminta supaya kerajaan membuat siasatan kepada pihak penjara takut-takut kalau ada pagar makan padi. Selepas Mesyuarat Agung PEMADAM di Melaka, kita dapati Ketua Pengarah Penjara telah pun memaklumkan memang ada pagar makan padi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengatasi masalah dadah ini, kita tidak akan dapat menyelesaikan masalah ini cuma dengan kita menangkap mereka yang terlibat ataupun pushers yang menjual dadah ini secara kecil-kecilan kerana ingin menyara diri mereka untuk mendapat pendapatan supaya mereka dapat membeli ataupun menyediakan dadah untuk keperluan diri.

Saya berpendapat bahawa mereka yang terlibat dengan penjualan ataupun mereka yang menjadi pengedar secara besar-besaran ini harus ditangani secara sungguh-sungguh. Apabila Operasi Zombies ini dibawa ke sana, kita menjalankan proses pemulihan fizikal, pemulihan mental dan sebagainya. Di antara perkara yang kami dapati, apa yang disebutkan oleh mereka, mereka tidak takut kepada polis. Bukan semua tetapi ada polis yang mereka tidak takut. Jadi, ini menjadikan satu persoalan (question mark), dengan izin, bagi saya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita berpendapat bahawa persoalan ini harus kita tangani dengan sepenuhnya.

Mengenai Kementerian Dalam Negeri ini, polis di negara kita ini memang saya bersimpatilah kepada mereka kerana pada masa yang silam, kebanyakan kita ataupun orang yang lama, yang lahir selepas merdeka tanpa mengetahui bagaimana azabnya kita untuk mendapat kemerdekaan. Bagaimana susahnyanya kita untuk

memperjuangkan negara sampai ke tahap kita di masa ini. Kita mungkin mempunyai rasa patriotik, sayangkan negara.

Pada masa yang lepas, kita hormat apabila kita melihat askar dan kita merasa simpati dan menyanjung tinggi kepada polis dan sebagainya tetapi hari ini, keadaan telah pun berubah. Negara kita, rakyat kita, nilai ataupun norma-norma telah pun berubah. Jadi, polis di negara kita ini, sebagaimana juga guru yang disebutkan tadi dalam perbincangan awal tadi, kalau dulu orang bangga menjadi guru. Ada kebanggaan. Kalau gaji dibayar tidak setimpal dan tidak setaraf dengan bahagian-bahagian yang lain ataupun jawatan-jawatan yang lain tetapi kebanggaan ini dapat memberikan dorongan kepada mereka untuk bekerja dan berkhidmat sebaik-baiknya. Begitu juga dengan polis.

Saya amat berterima kasihlah kepada Kementerian Pendidikan kerana gaji guru akan ditingkatkan kepada gaji diploma. Begitu juga dengan nurses, telah pun dinaikkan mereka dari Kumpulan C kepada Kumpulan B tetapi saya rasa polis ini, dengan gaji yang mereka ada, adakah mampu mereka mengharungi cabaran semasa? Ini persoalan yang harus juga kita beri pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi pandangan juga di sini, di dalam Kementerian Dalam Negeri. Sekiranya kita melihat askar-askar, anak-anak mereka pergi ke sekolah, mereka boleh menggunakan trak dan sebagainya tetapi polis, dengan tugas mereka dan cabaran mereka pada masa kini yang lebih mencabar lagi, saya tidak tahu adakah mungkin setelah disediakan perumahan

yang begitu baik, anak-anak mereka boleh dibawa ke sekolah menggunakan trak jabatan. Maksud saya perkhidmatan polis ini perlu diberi insentif yang lain, kalau tidak boleh diberi gaji sekali pun supaya sokongan moral kepada tugas mereka dapat kita berikan.

Saya membangkitkan soal ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya begitu insaf. Baru-baru ini, kita ada mengadakan satu majlis tatoo polis sempena dengan Jubilee Emas Raja. Apabila juruacara menyatakan bahawa semua hadirin diminta pasangkan lighter sebagai satu sokongan semasa pihak polis menyanyikan lagu “Kami Umpama Lilin”, saya dapati cuma mereka sahaja yang memasangkan lighter, orang ramai tidak memberi sambutan. Itulah sebabnya saya rasakan begitu insaf. Walaupun tadi saya ada menyebutkan bahawa kemungkinan ada pagar makan padi, tetapi dalam masa yang sama, saya juga ingin menyatakan bahawa tugas mereka, sokongan moral kepada mereka harus dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai B.50 - Kementerian Pembangunan Usahawan. Ini adalah sebuah kementerian yang baru. Kita berterima kasih kepada kerajaan kerana memberikan perhatian yang begitu berat kepada pembangunan usahawan. Kita tahu negara kita telah berjaya melahirkan usahawan-usahawan yang berjaya tetapi bagi mereka yang di peringkat pertengahan, masih ramai lagi usahawan-usahawan yang terumbang-ambing untuk mencapai kejayaan.

Saya ingin menyarankan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan supaya kementerian ini memberi perhatian kepada luar bandar oleh kerana

pembangunan negara sekarang begitu pesat. Pendapatan per kapita telah meningkat dengan begitu mendadak. Dalam satu soalan pada sesi Parlimen yang lalu, saya dimaklumkan oleh Kementerian Pertanian, pendapatan petani-petani cuma RM75 sahaja mengatasi paras kemiskinan. Ini menjadikan kebimbangan kepada saya kerana saya berpendapat, jika pendapatan purata petani-petani ialah RM75 sahaja daripada paras kemiskinan negara, dalam beberapa tahun yang akan datang, petani-petani luar bandar akan berada di dalam paras kemiskinan.

Oleh yang demikian, melihatkan pembangunan pertanian di luar bandar, kita dapati bahawa sekarang ini kita telah pun menggalakkan penggunaan machinery dan tenaga-tenaga kerja yang menggunakan tenaga manusia telah diambil alih oleh kontraktor-kontraktor yang menggunakan mesin. Sebenarnya, kita banyak tenaga menganggur di luar bandar dan dalam masa yang sama, kita terpaksa menggunakan tenaga-tenaga luar untuk menampung keperluan kekurangan tenaga negara.

Saya berpendapat mereka yang berada di luar bandar, mereka tidak mahu meninggalkan kampung halaman mereka untuk ke bandar dan bekerja di kilang-kilang. Oleh yang demikian, adalah perlu bagi perkara B.50 dan B.54, Kementerian Pembangunan Luar Bandar memikirkan bagaimana supaya, selain daripada usaha-usaha pertanian yang ada di luar bandar yang hari ini belum dapat menjamin dan menentukan masa depan penduduk-penduduk di luar bandar kita supaya luar bandar juga dapat kita majukan.

Apabila kita bercakap back to the nature, dengan izin, kita mungkin memikirkan bahawa untuk kita membangun, kita perlu membangunkan bandar. Tetapi kalau kita reverse ataupun kita tukar pemikiran itu, kita bandarkan dan kita bangunkan seluruh luar bandar dengan kita membawa bidang-bidang ataupun sektor-sektor ekonomi yang memerlukan tenaga dan kemungkinan juga yang tidak memerlukan tenaga ke luar bandar supaya ekonomi juga dapat membangun di luar bandar.

Saya percaya kehidupan rakyat di negara kita akan lebih selesa lagi kerana keadaan di luar bandar hari ini yang mana sebahagian besar daripada kita, kalau pun kita bukan berasal dari luar bandar, tetapi kita ada keluarga di luar bandar. Keadaan di luar bandar dengan environment, dengan izin, ataupun keadaan keadaan sekeliling yang begitu nyaman akan dapat memberikan satu kehidupan yang harmoni kepada seluruh rakyat Malaysia.

Jadi, saya berpendapat supaya kedua-dua kementerian ini dapat menggembelinkan tenaga untuk kita dapat membangunkan luar bandar kerana peluang-peluang dan sumber-sumber ekonomi yang ada sekarang ini tidak dapat membantu untuk membangunkan kehidupan masyarakat di luar bandar.

Saya merujuk kepada Maksud B.54, Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Di dalam usaha untuk membasmi kemiskinan, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana saya difahamkan daripada lawatan-lawatan pihak luar yang melawat Malaysia yang melawat Program Pembangunan Rakyat

Termiskin (PPRT) yang ada di negara kita, pandangan-pandangan yang kita dapati daripada pihak luar yang mengatakan bahawa inilah satu-satunya negara yang mengadakan program untuk pembangunan rakyat termiskin. Sehingga ada satu ketika, ada pelawat dari India melawat Projek Pembangunan Rakyat Termiskin, apabila kita memberi taklimat tentang keadaan mereka yang kita bantu di dalam PPRT, mereka mengatakan bahawa kalau kami di India ini, kami sendiri pun terdiri daripada orang PPRT yang datang melawat ke negara kita. Begitulah kerajaan kita memberi perhatian kepada keseluruhan rakyat.

Walau bagaimanapun, dalam usaha-usaha membasmi kemiskinan, kita minta supaya Unit Perancang Ekonomi menjalankan kajian supaya mereka yang didaftar di dalam golongan rakyat termiskin ini adalah terdiri daripada mereka yang benar-benar termasuk di dalam takrif rakyat termiskin kerana kita dapati tidak banyak, tetapi ada peratusan orang-orang yang mengambil kesempatan di mana mereka tahu, apabila ada program kerajaan di dalam usaha-usaha membasmi kemiskinan ini, mereka mengambil peluang dengan memberikan fakta-fakta yang tidak tepat sehingga mereka yang tidak sepatutnya masuk di dalam kumpulan rakyat termiskin, tetapi telah pun menerima bantuan melalui Program Pembangunan Rakyat Termiskin.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin memberi pandangan merujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara. Ini adalah laporan tahun 1992, cuma sebagai ingatan sahaja. Saya membaca Laporan Ketua Audit Negara ini pada perenggan

11.3 menyatakan bahawa peruntukan tambahan tidak dapat dibelanjakan. “Pada tahun 1992, peruntukan tambahan berjumlah RM229,000.37 juta untuk membiayai projek-projek pembangunan tidak dibelanjakan oleh kementerian.”

Ini cuma sebagai ingatan sahaja dan kita berharap supaya peruntukan-peruntukan yang telah pun kita bincangkan di Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara ini akan dapat digunakan sepenuhnya oleh pihak kementerian dan juga jabatan dan kita berharap peruntukan-peruntukan ini akan benar-benar dapat membela rakyat dan juga benar-benar dapat menaikkan dan menjamin kemajuan negara kita supaya imej negara kita akan terus kekal. Kalau boleh, kita harap negara kita dengan cepat dapat beralih daripada negara membangun kepada negara maju.

Jadi, dengan itu, saya juga turut menyokong Akta untuk menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1995. Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

5.27 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Rang Undang-undang bagi perbelanjaan tambahan perkhidmatan tahun 1995. Pertama, saya hendak merujuk mengenai dengan peruntukan tambahan kepada Parlimen sebanyak RM7,500,000.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini, dunia sudah mula menerima Malaysia sebagai paksi kebangkitan kepada negara Asia dan ini bermula apabila negara Malaysia di bawah pucuk pimpinan negara kita memainkan banyak peranan di

peringkat antarabangsa, terutamanya dalam memperjuangkan isu-isu kemanusiaan, bukan sahaja bermula daripada peristiwa ataupun isu Palestine, Afghanistan dan yang mutakhir ini Bosnia dan juga berbagai-bagai isu yang berkaitan dengan perdagangan, sama juga dengan isu alam sekitar.

Pendek kata, Malaysia sudah menjadi jurucakap kepada dunia antarabangsa, terutamanya bagi mewakili negara dunia ketiga ataupun negara-negara selatan, malah sudah dianggap sebagai juara kepada negara-negara Islam. Ini nyata sekali dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Oleh itu, saya dapati, walaupun pucuk pimpinan negara kita dan kerajaan kita begitu menonjol di peringkat antarabangsa, saya hendak bertanya dan hendak bangkitkan di sini iaitu peranan Parlimen. Peranan Parlimen, terutamanya kegiatan Ahli-ahli Parlimen dalam forum-forum ataupun hubungan antarabangsa yang boleh dimainkan, sama ada oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat ataupun Ahli-ahli Dewan Negara.

Setakat ini kita mempunyai dua pertubuhan iaitu IPU (Inter Parliamentary Union) dan CPA (Commonwealth Parliamentary Association) dan kedua-dua pertubuhan ini kita menjadi anggota dan saya lihat kegiatan kita tidak lebih hanya menghantar Ahli-ahli Parlimen baik di peringkat Dewan Negara, Dewan Rakyat ataupun wakil daripada Ahli-ahli Dewan Negeri untuk menyertai forum-forum di peringkat antarabangsa dan penyertaannya begitu terhad. Manakala IPU, CPA atau Parlimen kita sendiri tidak banyak membuat program, aktiviti atau seminar yang membawa Ahli-ahli Parlimen seluruh dunia ke negara kita.

Satu lagi pertubuhan yang kita ada, iaitu yang dinamakan Pertubuhan Forum Ahli-ahli Parlimen Asia Mengenai Pembangunan dan Penduduk yang tiga tahun dahulu saya ambil alih di waktu itu hidup segan mati tak mahu dan saya

mengambil daya inisiatif bagi membolehkan kita menjadi anggota. Kita menubuhnya di bawah Akta Pertubuhan berasingan di bawah naungan Parlimen tetapi dianggotai oleh Ahli-ahli Parlimen dan sampai sekarang masih lagi memegang jawatan Timbalan Setiausaha Agung Pertubuhan Ahli-ahli Parlimen Asia Mengenai Penduduk dan Pembangunan.

Alhamdulillah, kalau kita lihat kepada rekod kegiatannya setahun, dua yang lalu kita telah mengadakan seminar-seminar di peringkat antarabangsa yang membawa ke negara kita ini pelbagai Ahli Parlimen daripada seluruh rantau dunia dan akhir dirasmikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, malah baru-baru ini, yang mutakhir diadakan satu seminar, dengan izin, East Asia Parliamentary Conference on Development and Environment. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini selepas pilihan raya, saya tidak lagi berada di Dewan Rakyat, maka pertubuhan ini mengadakan mesyuarat dan ada pihak mengemukakan cadangan supaya pertubuhan ini diletakkan di bawah naungan Parlimen. Itu tidak menjadi masalah. Yang timbul masalahnya ialah, yang saya lihat kegiatan-kegiatan di bawah naungan Parlimen yang melibatkan Ahli-ahli Parlimen dengan mengambil daya inisiatif sebagaimana ditunjukkan oleh pucuk pimpinan negara begitu pasif sekali. Kalau ada lain-lain pihak yang cuba untuk memainkan peranan dan melakukan sesuatu tujuan untuk memperlihatkan peranan Ahli-ahli Parlimen seolah-olah ada pihak tidak senang hati. Saya tidak tahu sama ada di peringkat Dewan Negara atau peringkat Dewan Rakyat. Malah ada pihak

mempersoalkan, saya sebutkan terang-terang di sini, Tuan Yang Dipertua, saya difahamkan oleh salah seorang anggota pertubuhan ini, Setiausaha Dewan Rakyat bertanya mengapa nama saya ada di dalam senarai pertubuhan ini manakala saya sebagai Timbalan Setiausaha Agung.

Saya bangkitkan perkara ini sebab sebelum ini kita lihat tidak ada kegiatan manakala kita tengok Ahli-ahli Parlimen di negara-negara lain saban hari mereka mengadakan forum-forum antarabangsa. Kita tengok Pertubuhan Ahli Parlimen yang bersifat NGO, Global Parliamentarian Conference, Global Parliamentarian Union, kita lihat macam-macam pertubuhan dan ada pertubuhan-pertubuhan ini menggunakan platform ini terutamanya daripada negara Barat untuk mengecam negara-negara membangun, apatah lagi suara negara Malaysia kita ini yang cuba hendak membela isu-isu kemanusiaan, alam sekitar yang berkaitan dengan kepentingan dunia sejagat. Tidak ada usaha!

Yang kita tahu kebanyakannya ataupun bila ada conferences di peringkat antaranabangsa ialah timbul masalah siapa yang patut pergi, siapa yang mesti pergi dan orang-orang tertentu mesti pergi. Apa hak mereka ini? Adakah mereka ini dipilih oleh rakyat ? Saya tahu siapa yang memainkan peranan, yang cuba hendak mengelirukan Yang di- Pertua Dewan Rakyat atau Yang di-Pertua Dewan Negara.

Manakala peruntukan yang diterima sebanyak RM7.5 juta ini mungkin untuk mengubahsuai atau untuk lain-lain perbelanjaan, saya tidak tahu tetapi kita perlu kepada 'rethinking' supaya Ahli-ahli Parlimen Malaysia baik di peringkat

Dewan Negara, baik di peringkat Dewan Rakyat, baik di peringkat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri supaya diberi pendedahan yang lebih dalam konteks aktiviti-aktiviti yang membabitkan hubungan sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, malah kita lihat negara-negara kecil apabila ada Persidangan Inter Parliamentary Union yang menghimpunkan tidak kurang daripada 1,000 Ahli-ahli Parlimen seluruh dunia, ataupun CPA ataupun macam-macam persidangan, negara yang lebih kecil daripada Malaysia, lebih daif, lebih miskin daripada Malaysia, perwakilan negara mereka tidak kurang daripada lima, enam sampai sepuluh orang. Manakala negara kita, lima, empat, tiga dan dua 'mesti'. Saya tengok sudah menjadi kewajipan bahawa setiausaha kepada rombongan mesti Setiausaha Dewan Rakyat ataupun mesti orang-orang yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan perkara ini supaya Ahli-ahli Dewan Negara seperti seperti saya sebutkan tadi supaya diketengahkan, diberi pendedahan bukan sahaja di peringkat antarabangsa malah Parlimen Malaysia sendiri boleh menganjurkan berbagai-bagai aktiviti, persidangan yang boleh membawa Ahli-ahli Parlimen daripada seluruh rantau dunia ini bagi membolehkan kita menyampaikan pandangan kita, bagi membolehkan kita ada 'contact group' di kalangan Ahli-ahli Parlimen baik dengan isu Bosnia, isu alam sekitar, isu perdagangan dan banyak lagi isu. Kalau mereka ini hendak pegang 'gian' sangat hendak pegang, supaya aktif betul-betul, bermain peranan betul-betul. Jangan hendak mengongkong untuk

kepentingan tertentu manakala akibatnya Ahli-ahli Parlimen kita, Ahli-ahli Dewan Negara kita yang saya tengok berfungsi tidak lebih daripada menghadiri Persidangan Dewan Negara ataupun Persidangan Dewan Rakyat dan urusan yang lain-lain. Tetapi dalam konteks kegiatan Parlimen tidak begitu banyak pendedahan. Manakala kita lihat Ahli-ahli Parlimen negara lain baik di peringkat Senate, baik di peringkat 'The House of Representatives', dengan izin, di peringkat Dewan Rakyat begitu menonjol sekali.

Saya dapat merasainya sebab pernah banyak kali menghadiri persidangan di peringkat antarabangsa, seolah-olah kita hilang di tengah lautan Ahli-ahli Parlimen seluruh dunia. Kenapa ini berlaku ? Apakah kita sekadar menjadi anggota IPU, menjadi anggota CPA ? Atau pun kalau ada satu, dua pertubuhan yang diinisiatif oleh pihak-pihak tertentu, kita cuba hendak kongkong sampai kepada masalah Pertubuhan Ahli Parlimen Asia pun baru ini saya dengar sampai dibincangkan di peringkat Kabinet. Akhir sekali sekretariat dibawa balik di bawah bumbung Parlimen. Baik, saya menyokong penuh asal mana ianya berfungsi dan digerakkan supaya ianya menjadi pertubuhan yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan perkara ini dan saya tidak mahu sentuh lebih daripada ini kerana saya takut nanti ada orangan yang 'terasa hati'. Manusia ini dia bukan mesin, kalau kita bercakap dia sakit hati, terasa hati tetapi perbuatannya kadang-kadang kita rasa tak senonoh.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan dengan secara terbuka di Dewan

Negara ini sebab saya mahu perkara ini direkod dan saya bertanggungjawab di atas apa yang saya katakan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang seterusnya yang saya hendak sentuh di sini, tadi rakan saya yang berucap sebelum ini bercakap pasal Program Pembangunan Untuk Rakyat Termiskin. Ini penting dan saya hendak sambung mungkin dalam perbahasan di peringkat Belanjawan Negara tetapi saya rasa ini pun perkara yang cukup serius yang kerajaan harus melihat kembali Program Untuk Rakyat Termiskin.

Program Untuk Rakyat Termiskin ini bermacam-macam dan di bawah pelbagai kementerian. Selain daripada kemudahan yang dahulunya ASN kemudian ASB, pinjaman RM5,000 untuk ASB dan lepas itu pelbagai kementerian dengan projek-projek ekonominya dan ini semua menghala ke arah projek membasmi kemiskinan. Selain daripada itu diperuntukkan juga untuk membina rumah rakyat termiskin, peruntukanya RM3,000 sebuah - Rumah untuk rakyat miskin RM3,000 sebuah dan rumah-rumah ini dibina kebanyakannya di luar bandar.

Kita memang bangga dengan usaha kerajaan sebab tidak ada negara dalam dunia ini yang membina rumah untuk rakyat seperti Malaysia walaupun kita katakan RM3,000 sebuah. Tetapi kita juga mesti menerima hakikat bahawa rumah Projek Rakyat Termiskin RM3,000 dengan kos sekarang ini, akhir sekali kita lihat apabila rumah itu siap, bolehlah duduk tetapi bilik tidak ada, dapur tidak ada, elektrik kena masuk sendiri. Yang bilik tiada ini yang kacau! Dengan RM3,000 ini

semua sekali perbelanjaan termasuk kayu, upah dan sebagainya.

Saya percaya tentulah tidak mungkin kerajaan boleh memperuntukkan rumah murah bernilai RM20,000 hingga RM30,000, tidak mungkin. Tetapi saya harap peruntukan untuk rumah seumpama ini dikaji semula. Sekurang-kurangnya biarlah rumah tersebut, satu, ada bilik - sekurang-kurangnya satu bilik. Kedua, ada dapur dan kemudahan bekalan elektrik. Kedua, nilai saya tidak tahu berapa jumlahnya. Mungkin RM3,000 jadi RM6,000 sebab RM3,000 ini tiga empat tahun dulu. Sudah sampai masanya sebab rumah-rumah ini benar-benar untuk rakyat termiskin.

Cuba kita bayangkan, sekarang ini kita bangga dengan pembangunan negara kita. Rumah-rumah ada setengah-setengah itu macam syurga dan seolah-olah rumah saya tengok tuannya sah tidak akan mati. Bangunan-bangunan mencakar langit, itu untuk keperluan rakyat. Tetapi rumah-rumah sampai swimming pool ada yang harganya hampir RM1 juta hingga RM1 juta setengah. Maknanya harga swimming pool itu kalau dibuat rumah rakyat miskin boleh hampir seratus buah, sudah sah dia akan masuk syurga. Swimming pool RM1 juta hingga RM1 juta setengah. Benda-benda lain kita tidak kisah. Pagar rumah sahaja RM200 ribu. Tidak apalah, kita ini negara bebas, negara dengan dasar ekonomi terbuka. Orang kata siapa berusaha lebih dapat rezeki, boleh. Memang ini dasar kita tetapi hakikatnya Tuan Yang di-Pertua, saya datang dari luar bandar. Bila saya bawa orang-orang saya dari kampung, masuk ikut Damansara atau

Taman Tun contohnya, sehinggakan dia takut hendak masuk rumah.

Jadi, ini yang menyebabkan ada rakyat yang di peringkat bawahan rasa rendah diri dan inferiority complex. Meleleh air mata, Tuan Yang di-Pertua, bila dia balik ke rumah dia, dia tengok atap tiris, bilik tidak ada, electricity tidak ada, dapur tidak ada. Tetapi memanglah tidak mungkin kita hendak buat untuk semua rakyat seperti yang saya katakan tadi. Tetapi kita buat perbandingan supaya sekurang-kurangnya bila kita buat rumah biarlah ianya dinamakan R.U.M.A.H. - rumah. Bukan setor. Betulkah tidak? Ataupun kita hendak buat setor. Kita hendak buat rumah untuk rakyat termiskin iaitu rumah yang elok, bukan saya kata tidak elok, saya tengok pun cantik. Di kawasan saya pun sudah dibuat, saya cukup berterima kasih kepada kerajaan tetapi saya tengok ianya tidak macam rumah, tidak sempurna untuk diduduki oleh orang-orang yang dianggap serupa dengan kita ini Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya minta dikaji semula, ditambah supaya rumah ini ada bilik, ada dapur. Tidak besar pun tidak apalah. Sebesar sekarang ini pun sudah Alhamdulillah. Sebab rumah ini didiami oleh betul-betul orang miskin. Kadang-kadang dua beranak, kadang-kadang suami isteri, kadang-kadang ada tiga orang duduk dalam sebuah rumah. Supaya mereka boleh duduk di dalam apa yang dikatakan rumah. Satu.

Yang kedua, saya rasa elok juga saya beri cadangan di sini Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh di mana terdapat tanah-tanah terbiar yang memang sudah tidak

boleh dipulih terutamanya jika tanah-tanah ini tanah TOLkah atau tanah kerajaan, di luar bandar yang saya maksudkan, saya hendak bercakap bab luar bandar sahaja. Orang bandar walaupun ada lagi yang perlu dibela tetapi sudah lega, sudah tidak boleh hendak dicakapkan. Saya hendak cakap bab luar bandar. Kalau boleh rumah-rumah untuk rakyat termiskin ini dibuat di satu tempat. Hari ini kalau kita tahu di sebuah kampung ada seorang yang miskin, ada orang hendak sedekah tanah, kerajaan beri dan buat projek rumah di tempat tersebut. Kadang-kadang dia duduk seorang, umurnya 70 tahun. Sakit pun tidak tahu, tidak makan pun orang tidak tahu, kalau sakit hendak pergi hospital macam mana? Pernah berlaku ada yang sudah meninggal satu hari setengah baru orang tahu. Orang tidak tahu, sebab orang tua. Kita pun sudah banyak rumah orang-orang tua yang dijaga oleh institusi, oleh pertubuhan tetapi ramai lagi yang perlu kepada pembelaan seumpama ini.

Jadi, saya cadangkan kalau boleh dikenalpastikan kawasan tanah terbiar ini dan dibina rumah-rumah ini di satu tempat. Katakan 100 buah rumah untuk 100 keluarga termiskin, jadi rumah atau perkampungan orang tua dan orang miskin. Jadi, mungkin pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Kesihatan sekali seminggu boleh pergi melawat. Boleh tengok sama ada mereka perlukan ubat ataupun tidak, doktor-doktor kerajaan kita daripada hospital kerajaan, pihak Kementerian Kesihatan pula sekali-sekala boleh pergi tengok tandas mereka macam mana. Ini yang dikatakan masyarakat penyayang. Kita buat kerja ini

janganlah macam melepas batuk di tangga. Kawasan perkampungan orang-orang tua, kita buat RM5,000 sebuah, 50 buah - tanah terbiar banyak. Lepas itu bolehlah kita pergi menziarah. Orang hendak pergi bersedekah pun mudah. Tidaklah sana sebuah, sini sebuah. Mungkin ada di setengah-setengah tempat itu kita tidak boleh himpulkan sekali, tetapi ada tempat yang boleh kita himpulkan sekali. Boleh ada orang mengajar agama tetapi jangan jemput Tok Guru Nik Azizlah - kacau. Yang saya sebut ini pendakwah-pendakwah daripada Pusat Islam. Mereka boleh berjemaah sekali dan ada guru-guru mengajar agama.

Jadi, saya rasa kalau ini kita lakukan, insya-Allah, saya percaya ganjaran daripada Yang Maha Kuasa lebih besar lagi daripada apa yang kita dapat sekarang ini dalam soal prihatin kita membela rakyat-rakyat yang memang perlu kepada pembelaan. Ini penting. Kalau tidak Tuan Yang di-Pertua, kalau kita buat selepas itu kita biarkan pula, rasa macam tak sudah, tidak sempurna tanggungjawab dan golongan seumpama ini sebenarnya masih ramai. Bukan sahaja di kawasan saya, saya percaya masih ramai. Tidak sedikit, malah ada juga orang-orang tua ini memang dibiarkan oleh sanak-saudara mereka kerana budaya mengejar kemajuan sekarang ini sehingga anak-anak mereka ini ada juga yang termasuk dalam golongan rakyat termiskin tetapi ada anak-anaknya yang sudah kaya-raya, memegang jawatan tinggi tetapi tidak dipedulikan lagi. Sampai begitu sudah berlaku dalam masyarakat kita Tuan Yang di-Pertua. Sibuk dengan urusan berniaga, sibuk dengan urusan keluar negeri, sibuk dengan saham. Saya tidak

payahlah sebut nama tetapi sudah berlaku dalam masyarakat kita budaya seumpama ini. Ini yang mungkin disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkali-kali - tanggungjawab sosial (social commitment) - akal budi. Ini yang melibatkan tanggungjawab semua sekali. Tetapi yang lebih penting kita sebagai kerajaan. Kerajaan lebih penting daripada yang lain-lain. Memang kerajaan sudah ada macam-macam agensi, ada macam-macam peruntukan tetapi kadang-kadang kerana birokrasi, kerana peraturan-peraturan sehinggakan kalau ada orang yang patut hidup empat hari lagi, sudah mati juga. Baru-baru ini saya baca dalam surat khabar. Ini kes di hospital. Orang Indonesia agaknya. Tidak kisahlah dari mana pun. Ajal ini di tangan Allah S.W.T. Kita tidak tahu tetapi kita boleh berusaha. Tetapi dia kata beranak dalam teksi, lepas itu pergi ke hospital tunggu doktor lambat sehingga berlaku kematian. Ini tidak selaras dengan masyarakat penyayang.

Kita tidak mahu dengar lagi perkara-perkara seumpama ini berlaku dalam masyarakat kita, berlaku dalam negara kita Malaysia. Sebab kita mewah. Kita negara yang kaya. Tengok pertumbuhan ekonomi 9.2% berturut-turut beberapa tahun. Cukup mewah! Ada rakyat dan pihak-pihak tertentu sekarang ini yang sudah bermandi dengan wang. Betul! Saya percaya kalau mati nanti berkapan dengan duit. Tidak payah bungkus dengan kain putih lagi. Sudah dapat satu, tidak cukup satu. Yang dua, dua. Yang tiga, tiga. Saham ini saya tidak ertilah. Tetapi saya dengar sampai boleh dapat beratus-ratus juta. Bagus dan inilah dasar kita pun

tetapi jangan kita lupa tanggungjawab tadi. Seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, seruan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya kita sentiasa ingat.

Ada juga setengah-setengah yang buat. Bila ada majlis jamuan makan malam, Perdana Menteri hadir, Timbalan Perdana Menteri hadir, buat mock cheque besar-besar. Ada setengah besar lori tetapi beri RM10,000 sahaja. Bukan kita hendak mengungkit, tidak. Dia hendak beri berapa pun, hak dialah. Itu duit kumpulan mereka tetapi kita hendak supaya sumbangan ini betul-betul ikhlas. Macam syarikat korporat, syarikat gergasi, setengah sudah buat but they can do more, dengan izin.

Sebab kalau kerajaan boleh buat rumah RM3,000 sebuah untuk rakyat termiskin, kalau pihak swasta memperuntukkan 1% selain daripada dia kena cukai, dia kena bayar zakat. Orang Putih kata dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ‘they can do marvellous to the needy people’, orang yang perlu kita memberi pembelaan. Tetapi kadang-kadang hendak hulur sedekah ini, Tuan Yang di-Pertua, sampai kalau ada orang minta RM50 pun, duit cash tidak bawalah, tidak sempat hendak sign check dan sebagainya. Ini saya kata pada diri saya, saya tidak kata pada orang. Kita mengingatkan diri kita sendiri, tetapi perlu juga kita mengingatkan perkara seumpama ini, sebab rakyat perlu kepada pembelaan.

Seperti saya kata tadi “birokrasi” - ‘birokrasi’ kadang-kadang yang patut terima RM20 ataupun RM50 sebulan, ada masanya sehingga setengah bulan atau

sebulan setengah baru terima - ini berlaku. Bagi mereka RM50, RM70 ini banyak, ada guru-guru Quran yang mengajar Quran di bawah kelas KAFA, dahulu dibayar RM80 sebulan, sekarang saya lupa berapa, tetapi tidak dibayar tiap-tiap bulan, dibayar ikut penggal - tiga bulan sekali, kadang-kadang sampai 4 bulan baru dibayar, penggal yang dahulu sebanyak RM250. Jadi, perkara-perkara macam ini kita mungkin pergi kepada pegawai atau pergi ke jabatan kita tidak rasa apa, sebab perut kita kenyang hari-hari, perut kita okay, kemas, pakaian kita kemas, tidur kita lena, tilam kita elok, Mercedes di hadapan rumah, kita tidak rasalah. Tetapi bagi orang yang hendak terima RM250 sebulan, RM80 sebulan, sama ada guru Quran atau orang yang berhak menerima RM70 sebulan ini, kadang-kadang terlewat dua hari pun kita boleh bayangkan betapa susahnyanya mereka. Ini patut diutamakan. Ini kita perkemaskinikan lagi, sepatutnya 25hb. on the dot - beres. Orang-orang macam ini diutamakan dahulu. Ini yang duduk sibuk menunggu cek RM1 juta, RM2 juta dekat tangga itu sibuk. Saya sebutkan perkara seumpama ini takut kita lupa dan saya percaya kerajaan tidak lupa, tetapi kita hendak supaya negara kita yang sudah mula menjadi contoh ini supaya terus diperhebatkan lagi.

Bila kita sebut negara kita menjadi contoh, tidak ada apa yang benda yang hendak disentuh lagi, bahawa kita sebenar-benarnya contoh, tentulah kita akan rasa megah. Inilah dasar kerajaan dan tidak mungkin Perdana Menteri tahu semua apa yang berlaku di bawah, Timbalan Perdana Menteri tidak tahu apa yang berlaku di bawah, Menteri dan semua sekali bertanggungjawab, tetapi kadang-kadang

majoriti kita lupa atau terlupa kepada minoriti kita yang utama. Yang lebih penting daripada ini, tanggungjawab kita kepada golongan seumpama ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah pihak kerajaan dapat mengkaji balik peruntukan untuk projek rakyat termiskin ini. Itulah seperti yang saya katakan tadi, yang telah diulang beberapa kali, tidak mungkinlah kita boleh buat, membuat semua orang jadi kaya, jadi senang - tidak mungkin, tetapi sekurang-kurangnya munasabah.

Saya mengucapkan tahniah kerana saya baca surat khabar pada hari ini dividen untuk Amanah Saham Bumiputera sebanyak 13% kurang 1%, tetapi berapa ramai dapat demand. Ini semua pemberian Allah S.W.T. berkat kejujuran pemimpin kita, berkat kerja kuat dasar berhemat, kita tengok boleh dikatakan macam-macam kemajuan telah kita capai.

Negara kita cukup stabil, cuma satu lagi komponen yang saya nampak betul-betul sudah mula orang terlupa iaitu golongan yang daif, nobody cares, kalau ada orang Putih pun dia sibuk hendak buat jalan di hadapan rumah dia, kalau dia buat rumah besar, tetapi jalan tidak masuk, bila lagi jalan dibuat di hadapan rumah dia. Orang-orang macam ini bolehlah pergi jumpa orang itu, jumpa orang ini macam-macam, pengaruh ada, tetapi bagi yang di kampung-kampung ini, masih lagi ada jalan yang becak, masih ada lagi anak-anak sekolah yang tidak ada kasut - masih ada lagi. Jadi, ini macam mana kita hendak lihat masalah ini secara perspektif yang lebih luas, supaya tidak begitu rigid, kerana macam pinjaman

Amanah Saham Bumiputera sebanyak RM5,000, dahulu RM500 juta, kerajaan naikkan jadi RM700 juta ditambah, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan tambah lagi RM 200 juta. Jadi, RM700 juta pun belum mencukupi, RM5,000 tunggu cukup tahun baru boleh dapat berapa ratus ringgit? Tolak sedikit pinjaman, adalah balance RM200 -RM300 bahagi dengan bulan mungkin RM40 atau RM50, betulkah Yang Berhormat Senator Tuan Rahim Baba? Korporat besar itu Gula Perak. *[Ketawa]* Jadi, saya menyebutkan perkara ini sebab saya tidak tahu Tuan Yang di-Pertua, mungkin semua ini ada nilai kemanusiaan yang tinggi - ini saya percaya.

Saya percaya semua kita ini mempunyai nilai kemanusiaan yang tinggi, maknanya kita semua ada tanggungjawab, cuma kadang-kadang kita terlupa, kita terlupa, kita alpa. Jadi, saya menyerulah supaya birokrasi dalam soal-soal membela urusan kita dengan rakyat termiskin ini, kalau boleh diperbetulkan, dikemaskinikan, dipercepatkan lagi dan kalau boleh ditambah, ditambahkan lagi - supaya keadaannya orang kata, 'sedap bercakap, sedap mata melihat, sedap telinga mendengar'. Ini adalah apa yang dikatakan masyarakat penyayang, negara makmur, negara yang kita idamkan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga hendak menyentuh Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995) (No.2) 1995 bersabit dengan hutang Kerajaan Negeri. Saya baca surat khabar semalam. Mula-mula saya baca akhbar Utusan Malaysia - Laporan sidang Dewan Rakyat, baki hutang Kelantan

tertinggi. Ini jawapan daripada Timbalan Menteri Kewangan, Kelantan tidak bayar hutang sebanyak RM485 juta dan ia tidak mahu bayar hutang.

Hari ini saya baca dalam surat khabar Timbalan Menteri Besar Kelantan kata “Kelantan bayar hutang ikut penjadualan semula”. Dia kata sudah bayar RM5 juta dahulu - besarlah bagi dia RM5 juta ini, cek RM10 juta sudah buat, tetapi belum dihantar lagi.

Saya hendak bertanya pihak kementerian supaya memberi jawapan yang lebih jelas lagi mengenai dengan hutang yang ditanggung oleh kerajaan Kelantan yang tidak mahu dibayar oleh PAS, oleh kerajaan Kelantan.

Saya hendak mencadangkan di sini, saya orang Kelantan, sebab kerajaan Kelantan pimpinan PAS dahulu dan sekarang, di mana-mana sahaja pemimpin mereka bercakap ‘Nyahkan Kerajaan Pusat’ peduli apa dengan Kerajaan Pusat - sokong PAS, kita boleh berdikari, kita mampu, kita tidak perlu bergantung kepada Kerajaan Pusat, tetapi bila tidak diberi duit, mereka mengecam Kerajaan Pusat tidak beri duit. Tetapi yang sebenarnya peruntukan wajib memang diberi tiap-tiap tahun, cukup baik Kerajaan Pusat, dipotongnya tidak banyak - mengikut kenyataan ini tidak banyak, Tuan Yang di-Pertua, dipotong RM5 juta daripada peruntukan wajib lebih kurang RM60 juta setahun untuk Kelantan.

Saya anak Kelantan saya hendak cadangkan, sebab dia kerajaan Islam. Kalau tidak ada duit Nik Aziz boleh berdoa minta duit turun dari langit, so apa

yang hendak disusahkan sangat - hutang RM485 juta, dia kata ini hutang di bawah Kerajaan Barisan Nasional tahun 1990 dahulu. Hutang ini dahulu dipinjam kepada Kerajaan Negeri untuk membuat projek dan projek-projek ini berjalan, Hotel Perdana, Perdana Resort macam-macam lagi projek dibuat di bawah Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan sampai Setiausaha Kerajaan Negeri lantik Juru Audit baru-baru ini, Price Water House, jadi krisis ini diketepikan, takut apa yang hendak diselindungi oleh kerajaan PAS. Ini adalah untuk kepentingan rakyat yang sepatutnya mereka bayar, sebab mereka dapat hasil dari projek-projek ini, Hotel Perdana. Oleh kerana itulah satu-satunya hotel di Kelantan yang agak selesa dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu, occupancy rate almost 80% every day, cuma coffee house yang malam sedikit, tidak berapa orang hendak pergi. Tetapi soalnya hotel ini berfungsi, masih beroperasi, Perdana Resort masih beroperasi dan lain-lain projek masih beroperasi. Dia kena bayar hutang, tetapi dia tidak bayar.

Saya hendak cadangkan supaya Kerajaan Pusat memotong peruntukan wajib sebanyak 50% sekurang-kurangnya, hutang Kerajaan Negeri Kelantan dan dia kerajaan Islam, *[Ketawa]* kerajaan Islam kena bayar hutang, betuk tidak? Dia kena bayar hutang, ini tidak, gaji dia naik, gaji Wakil Rakyat naik. Bila Kerajaan Pusat naik gaji baru-baru ini, kakitangan kerajaan termasuklah Ahli Dewan Negara turut naik semua, dia hentam. Pergi ceramah kampung-kampung dia hentam. Lepas orang sudah senyap lupa, dia pun naik puak-puak depa senyap-senyap, gaji

boleh naik, hutang tidak bayar. Patutnya macam Nik Aziz itu naik basikallah, betul tak? Jalan kakilah pergi pejabat, lebih afdal! Zaman-zaman Khalifah-khalifah dulu betul tidak? Tidak payah naik Mercedes, tidak payah duduk di belakang, tidak payah naik first class. Unta memang tidak ada di Kelantanlah!

Tuan Yang di-Pertua: Naik apa masa itu?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ha?

Tuan Yang di-Pertua: Naik apa masa itu?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Mana? Di Kelantan?

Tuan Yang di-Pertua: Zaman dulu, naik apa?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Zaman dulu? Zaman dulu jalan kaki orang Kelantan ni, kalau di Arab tu naik unta. Tidak usahlah naik Mercedes duduk belakang, tidak usah naik first class, kurangkan gaji bayar hutang. Wakil-wakil Rakyat PAS tidak susah maknanya. Tentu, saya kalaupun mereka buat, saya tabik, RM500 sebulan ke ambil cukup-cukup makan cukuplah, ya tidak?

Tetapi, hutang tidak bayar, lepas itu menyalahkan orang berbelit-belit kenyataan. Ini semalam suatu kenyataan, [*Sambil menunjukkan surat khabar*] sudah keluar pula ini, surat khabar pun tulis balik. Tentu orang keliru yang mana satu yang betul ini? Jadi minta beri penjelasan yang betul-betul, dah dia kata hutang banyak, Kedah pun banyak, pandai betul dibelitnya. Jangan beri! Potong!

Sebab saya kata potong ini banyak sebab. Tahun lepas Kerajaan Pusat begitu bermurah hati beri peruntukan kepada Yayasan Islam Kelantan sebab

Yayasan Islam Kelantan ini menganjurkan sekolah-sekolah Arab, sekolah-sekolah agama, guru-guru pun dah mula pecat dah, yang tidak menyokong Kerajaan Pusat, saya tidak bercakap hak politik ini. Yang tidak sokong Kerajaan Pusat, yang tidak sokong depa dah pecat dah. Dulu Imam, Penghulu, malah kakitangan kerajaan yang di bawah Kerajaan Pusat tetapi kerana Perlembagaan Negeri answerable kepada State Government, kepada Menteri Besar, Pengarah-pengarah setakat negeri ini juga mengikut telunjuk depa ini. Sehingga ada kakitangan yang menyokong Kerajaan Pusat ditukar. Kita Kerajaan Pusat tidak amal dah amalan seumpama ini, mereka buat. Duit kita beri lepas itu dia beritahu kepada rakyat tidak beri. Lepas itu beri tidak berterima kasih. Potonglah jawabnya.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, dengar tidak ni? *[Ketawa]* Takut fikir kot lain pula. Saya dok tengok ke lain perginya. Saya dok tengok ni, tolong sampai kepada Pak Menteri ni, jangan fikir ke lain pula. Saya serius ini, jangan fikir benda lain, tidak pasal saya bercakap ni.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Ibrahim bercakap macam Menteri Besar.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ya ke? Insya-Allah ditahun '99 nanti? *[Ketawa]* Bergurau aje tu. Tuan Yang di-Pertua usik saya, saya jawab aje. Betul tidak?

Tinggal lagi, oleh kerana mereka tidak bayar hutang dan hutang-hutang dulu ialah untuk projek-projek pembangunan yang masih beroperasi, mereka kena bayar. Saya rasa sudah sampai masanya Kerajaan Pusat kena tegas. Saya betul-

betul hendak tengok Kelantan membangun. Tentu saya hendak tengok seberapa banyak wang Kerajaan Pusat dapat disalur kepada Kelantan, negeri Kedah, negeri-negeri masih yang banyak ketinggalan ini. Kita memang hendak ni, tetapi oleh kerana tengok perangai, fiil tidak mengerti terima kasih sampai hari ini. At least, saya hendak tengok, teach them a lesson. Tunjuk sekali. Potong 50%. Tentu saya balik ada rakyat Kelantan marah, marahlah! So what? Ceh...!

Tuan Yang di-Pertua: Dalam bahasa Melayu, apa dia so what itu?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tolong terjemah untuk saya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak boleh, sendiri yang keluar sendiri yang cakap [*Ketawa*]

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: So what, so apa, apa ni, apa kisah.

Seorang Ahli: Jadi apa!

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Jadi apa [*Ketawa*]. Potong. Jadi, saya minta penjelasan yang lebih terperinci, supaya rakyat tahu dengan jelas, sebab betul-betul tidak berterima kasih. Betul-betul tidak terima kasih dan masalahnya mereka berselindung di sebalik Islam dan betul-betul menampakkan seolah-olah Kerajaan Pusat tidak prihatin, tidak berhati perut, potong hutang, tidak beri duit, tengok bukan main lagi.

Saya ingat dulu-dululah dalam tahun 60-an dulu, waktu itu masa saya kecil lagi tetapi saya sudah ikut dah perkembangan politik. Ikut zaman-zaman dulu, sebab mereka ini kalau tidak diberi pengajaran saya percaya sudah barang tentu

mereka akan terus berirama dengan tempo yang sama. Jadi, saya cadangkan supaya dipotong 50% hutang, dan kita menolong kerajaan PAS ini, menolong Nik Aziz sebab dia kena jawab dengan Allah Ta'ala nanti. Dia kena jawab dengan Allah Ta'ala kalau tidak bayar hutang. Jadi, kita tolong dia. Kita tolong bayar hutang dia dengan kita potong.

Dia ada kuasa dia guna kuasa, Kerajaan Pusat ada kuasa Kerajaan Pusat guna kuasa. There are many ways that Kerajaan Pusat can go about. Jangan terlalu ego sangat! Saya bercakap ini juga sebagai anak Kelantan saya sebutkan tadi tidak ada salahnya dan mereka bolehlah berdoa sebab mereka ini kalau padi tidak jadi salah Kerajaan Pusat. Padi jadi dia kata doa Nik Aziz. Pelik betul, saya pun naik pening dah. Ajaran sesat.

Saya haraplah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan balik ke kementerian besok sampaikan cepat-cepat kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya minta ini. Dan saya minta....

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, *[Ketawa]* Saya nampak dia sudah beri.

Tuan Yang di-Pertua: Pasal saya tidak dengar queue dia hendak berhenti, tiba-tiba berhenti sahaja.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tidak apa, sebab saya dekat, saya bisik dululah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali. Andaikata Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk mengambil tindakan mengikut prosedur tertentu di dalam mengajar Kerajaan Negeri Kelantan ini, apakah cara-cara yang boleh kita menyelamatkan rakyat Kelantan dari segi hukuman yang diberi kepada Kerajaan Negeri ataupun pemimpin Kerajaan Negeri pada hari ini? Apakah mekanisme-mekanisme yang boleh atau saluran yang boleh digunakan oleh Kerajaan Pusat untuk memastikan rakyat Kelantan yang tidak berdosa sebenarnya tetapi tergodanya, terpengaruh dengan ulama palsu Kelantan ini dapat kita selamatkan. Tolong, penjelasan daripada Yang Berhormat.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Caranya cukup mudah Tuan Yang di-Pertua. Mekanismanya, kita ada Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan, dan melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan ini yang menguruskan hal ehwal agensi-agensinya Kerajaan Pusat boleh digunakan dengan menambahkan lagi pelbagai peruntukan dan projek-projek pembangunan. Boleh buat. Sekarang ini peruntukan-peruntukan ini tidak mencukupi. Tengok di kawasan Pasir Mas. Tanah Merah, di seluruh Kelantan, boleh disalurkan. Maknanya rakyat Kelantan tidak terjejas. Rakyat Kelantan tidak terjejas dan ini juga boleh menyedarkan rakyat Kelantan, boleh juga menolong menyedarkan rakyat Kelantan tetapi projek-projek di bawah Jabatan Pembangunan Kelantan ini tidak begitu banyak kecuali projek-projek membina jalan kampung dan juga program-program pendidikan sekolah-sekolah memang tidak terbantut. Tinggal lagi sekarang ini sudah buat sekolah baru, tidak ada tanah, tidak cukup tanah, payah hendak dapat tanah untuk buat tapak baru sekolah-sekolah projek-projek kesihatan tetapi selain daripada itu macam-macam lagi boleh buat melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan.

Jadi, tidak payah kita salaur kepada Kerajaan Negeri.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya rasa itu sahajalah, saya hendak sambung nanti waktu perbahasan Belanjawan nanti. Banyak lagi ceritanya. Untuk banyak lagi cerita saya kira cukup setakat itu. Saya sudah menyentuh tiga perkara bersabit dengan Parlimen tadi, dua hal projek rakyat termiskin dan juga ketiga bab hutang kerajaan Kelantan ini dan saya haraplah apa yang saya bangkit ini benar-benar mendapat perhatian daripada pihak kerajaan dan masa yang diberi ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih. Saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1995 ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Kian Sit Har.

6.10 ptg.

Puan Kian Sit Har: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tentang Rang Undang-undang DR. 25/95, Akta Perbekalan Tambahan (1995) (No. 2) 1995, izinkan saya memberi sedikit pandangan di bawah Maksud-maksud B.26, Kementerian Pendidikan dan juga B.35, Kementerian Dalam Negeri. Dunia pendidikan semakin mencabar, yang mana dengan perkembangan sains dan teknologi, penggunaan komputer semakin meluas dan begitu sekali. Di peringkat ini, pelajar-pelajar kita di tingkatan satu dan tingkatan dua harus dibekalkan ilmu ini. Tanpa pengetahuan dan kemahiran ini, sudah tentu generasi yang akan datang akan jauh tertinggal di belakang.

Sehubungan dengan itu, masalah kekurangan tenaga mahir dalam bidang ini harus diatasi. Pendidikan adalah amat penting dan nadi kepada pembangunan serta corak penentu negara pada masa hadapan. Apa juga masalah pendidikan ia harus

ditangani dengan cekap lagi profesional. Hanya dengan cara ini sahaja kita dapat melahirkan angkatan generasi yang berpendidikan dan berwawasan serta tenaga mahir yang diperlukan. Kegagalan untuk mencapainya akan mengakibatkan negara menghadapi masalah pembangunan serta kerugian di masa hadapan.

Penggunaan komputer secara meluas sama ada di sektor awam mahu pun sektor persendirian pada ketika ini masih tidak dilakukan sepenuhnya. Ini sudah tentu ada kaitannya dengan kekurangan tenaga mahir. Walaupun negara telah merdeka 38 tahun, namun dalam segenap lapangan dan bidang masih terdapat kekurangan tenaga mahir. Kita berasa kesal melalui pendidikan lapangan ini masih tidak dapat dipenuhi. Ekoran dari itu, negara menanggung kerugian. Masa adalah penting mulai sekarang, setiap kekurangan itu harus berikan perhatian yang serius.

Adalah diharapkan Kementerian Pendidikan akan memberikan penekanan akan pelajaran komputer di sekolah-sekolah. Di samping itu, program pendidikan komputer yang terancang harus digubal. Hanya dengan cara ini sahaja masalah-masalah dapat diatasi dan negara akan mencapai kemajuan yang diinginkan.

Kerajaan berusaha mewujudkan sebuah masyarakat yang bermoral tinggi. Maka itu, Akta Lembaga Penapisan Filem 1952 dan Akta Percetakan 1994 akan dipinda. Ini adalah bertujuan mengkaji semula akan kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam kedua-dua akta ini. Hukuman yang sedia ada terhadap mereka yang bersabit kesalahan dalam aktiviti-aktiviti edaran dan bekalan bahan-bahan

luah adalah didapati tidak sesuai lagi. Oleh kerana edaran dan bekalan bahan-bahan ini yang agak meluas, yang mana ianya akan mempengaruhi rakyat negara, khususnya kaum remaja, maka aktiviti-aktiviti seumpama ini harus diberikan perhatian yang serius. Mengenai akta yang sedia ada serta hukumannya, ini bererti akta sedia ada mempunyai kelemahan-kelemahan atau hukuman-hukumannya tidak sesuai lagi.

Saya berpendapat penggubalan akta dan menguatkuasaannya adalah dua perkara yang berlainan. Jika sesuatu akta digubal dengan sebegitu baik, tetapi di peringkat menguatkuasaannya berlaku penyelewengan, maka akta itu tidak menepati sasaran. Misalnya, jika akta tergantung hukuman penjara enam bulan bagi mereka yang bersabit kesalahan, tetapi jika berlaku penyelewengan ataupun tidak dikuatkuasakan, oleh kerana kekurangan pegawai-pegawai menguatkuasa, maka dalam keadaan tertentu ini, kedaulatan akta ini tidak dapat dipertahankan. Di sebaliknya, ia lebih merupakan akta yang termaktub di atas sehelai kertas putih sahaja. Penguatkuasaan yang rapi jangan kata hukuman enam bulan, malahan enam jam akan menjadikan satu pengajaran dan ketakutan kepada pesalah-pesalah yang bersabit.

Semenjak Jabatan Pengangkutan Jalan menguatkuasakan hukuman denda ke atas pemandu yang memandu selepas mengambil minuman keras adalah amat berkesan, dan ia juga mendapat sokongan daripada orang ramai. Orang ramai sentiasa berwaspada akan kuatkuasa peraturan ini.

Merujuk Akta Percetakan 1984, barang sesiapa yang bersabit kesalahan dengan terbitan bahan-bahan lucah, mereka akan dikenakan hukuman RM20,000 atau penjara tiga bulan. Jika penguatkuasaannya dapat dijalankan, sudah tentu penerbit-penerbit akan sentiasa berhati-hati. Meninggikan denda dan hukuman harus diikuti dengan penguatkuasa yang rapi. Hanya dengan cara ini sahaja sesuai akta itu akan mendatangkan hasil dan kesan yang diinginkan.

Akhirnya, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995) (No. 2) 1995 diluluskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Ding Seling.

6.17 ptg.

Tuan Ding Seling: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain untuk membahaskan Rang Undang-undang bernama satu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1995 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk Maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menyatakan bahawa perbelanjaan tambahan seperti ini, bagi saya menggambarkan bahawa kerajaan telah pun berusaha begitu gigih untuk membawa perkhidmatan kepada rakyat jelata.

Kalaulah kita lihat senarai-senarai yang dinyatakan dalam Rang Undang-

undang ini, kita lihat bahawa kebanyakan daripada senarai ini adalah bahagian-bahagian, kementerian yang memberikan perkhidmatan untuk memperkukuhkan atau mempertingkatkan kemahiran rakyat Malaysia. Saya beri misalan, misalnya Kementerian Pendidikan yang memerlukan RM12,780,000 dan seterusnya yang lain, seperti Perbendaharaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara begini, saya pertama sekali ingin mengatakan bahawa saya menyokong Rang Undang-undang ini. Walau bagaimanapun, saya ingin mengambil peluang ini untuk memberi sedikit sebanyak pandangan demi untuk menyampaikan rasa hati orang-orang di tempat-tempat pedalaman yang saya wakili, yang sering saya katakan dari hulu sungai, dalam Dewan yang mulia ini.

Ini adalah untuk memperingatkan kerajaan supaya dalam usaha kita menjalankan pentadbiran kerajaan, membangunkan negara kita ini, supaya kita jangan lupa mereka yang di tempat-tempat pedalaman, seperti di hulu sungai, di Sarawak, Sabah mungkin ada juga di hulu-hulu sungai di Semenanjung ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana mereka itu adalah merupakan mereka yang tidak bersuara, mereka yang jarang-jarang kelihatan oleh kita. Saya sentuh misalnya orang Penan yang menjadi suku kaum saya sendiri. Mereka seperti kita sedia maklum tinggal di hutan, kebanyakan lebih kurang 30% lagi masih merayau di hutan, mencari buah-buahan, memburu untuk menjadi makanan mereka.

Jadi, oleh itu, mereka ini merupakan mereka yang tidak seperti sebahagian

rakyat yang kita jarang-jarang dengar kerana mereka bersama-sama dengan haiwan, dengan burung-burung di hutan. Oleh yang demikian, kita di bandar-bandar ini tak pernah mendengar berkenaan mereka dan mereka pun tidak mempunyai peluang untuk menyampaikan rasa hati mereka, melainkan melalui wakil mereka seperti saya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya ingin memperingatkan kerajaan supaya jangan lupa kepada mereka ini kerana mereka merupakan orang yang miskin. Kalaulah kita hendak mengira berapakah pendapatan mereka, adakah RM1.00 sebulan ataupun RM1.00 setahun ataupun RM1.00 dalam seumur hidup mereka, itu dari segi wang ringgit. Kemungkinannya, dari pandangan mereka, memang mereka mewah. Hidup mereka mewah, oleh kerana setiap hari ‘berpicnic’, dengan izin. Tak usah pergi ke pejabat dan tak usah mengikut sistem-sistem tertentu untuk membuat kerja, tetapi dengan sesuka hati mengikut keadaan mereka mencari makanan dan buah-buahan, haiwan dan ikan yang diburu boleh mereka katakan ‘free’, jadi tidak boleh ditukar sebagai nilai wang. Sebenarnya, dari segi keadaan memang mereka juga boleh kita katakan ‘kaya’, di sini, Tuan Yang di-Pertua, ada ‘contradiction’, dengan izin, kerana cara hidup mereka adalah satu cara hidup yang bebas daripada ‘stress’, dengan izin, dan tidak mempunyai sistem-sistem tertentu untuk menjalankan tugas dan boleh kita katakan seolah-olah merekalah boss.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, seperti yang saya sebut tadi,

mereka ini adalah sebenarnya, dari pandangan, dari sudut hidup moden kita ini, mereka adalah orang yang termiskin. Oleh kerana nilai pendapatan mereka itu memanglah kecil sekali, kata orang ‘kais pagi makan pagi, kais petang makan petang’. Jadi, kalau tidak ada yang dikais, tidak ada juga yang di makan. Tetapi selalu kita lihat, kalau ada masa ini banyak haiwan di hutan, memang mereka selalu sahaja berpicnic, banyaklah makanan. Tetapi di masa tidak ada, apabila haiwan itu lari ke tempat yang lain, maka oleh kerana mereka tidak sama dengan haiwan walaupun seperti yang saya sebutkan tadi, tinggal dekat kepada haiwan, burung-burung, tetapi, mereka bukanlah haiwan. Oleh yang demikian, mereka tidak dapat ikut haiwan itu untuk memburu setiap hari, maka ada kalanya mereka tidak mempunyai makanan langsung melainkan mungkin umbut ataupun buah-buahan sahaja, kalaulah musim buah-buahan. Tetapi, oleh kerana mereka tidak menanam buah, maka buah itu pun sekali setahun kalau ada. Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya katakan mereka ini merupakan orang yang termiskin.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah, kerajaan kita boleh membawa mereka ke arus pembangunan supaya hidup mereka boleh terjaga. Dengan ini, saya sebenarnya sebagai wakil ataupun sebahagian daripada mereka berkenaan, saya ucapkan banyak berterima kasih bukan sahaja kepada Kerajaan Pusat, tetapi khususnya kepada kerajaan-kerajaan negeri yang telah begitu banyak berusaha untuk membawa orang-orang Penan ke satu golongan kaum saya ke arus pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebut orang Penan sebagai satu golongan yang termiskin yang juga disebut oleh Yang Berhormat Datuk Ibrahim bin Ali tadi, bukan menyebut orang Penan tetapi golongan miskin, saya terfikir juga yang sangat miskin yang taraf hidupnya begitu rendah, tidak lebih tinggi daripada zaman kuno, di mana kita diberitahu nenek moyang kita dahulu tinggal di gua, jadi taraf hidup mereka adalah seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, kita rasa, saya ingin menyeru bahawa mereka ini haruslah diberi pandangan yang khusus mulai dari segi mendidik mereka, membawa mereka ataupun menggalakkan mereka ke sekolah-sekolah supaya pandangan mereka ditukar, sikap mereka boleh ditukar supaya mereka boleh menggunakan masa mereka bukan untuk merayau, bukan untuk memburu sahaja tetapi menggunakan kebolehan mereka, masa mereka untuk cara bekerja yang lebih baik, misalnya bercucuk tanam dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, orang-orang di desa, juga merupakan orang yang miskin. Saya sebutkan perkara miskin ini, oleh kerana negara kita sekarang, dalam beberapa abad yang lalu telah banyak dan kian membangun, tetapi mereka yang termiskin itu

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Ding Seling, saya rasa boleh sambung esok.

Tuan Ding Seling: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

